Bahtera

Hj Ahmad Salim Omar

Tabib Nur

Rahmat Muhamad



Cetakan Pertama Mac 2015

Diterbitkan oleh
Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia
BAIT SYDNA SYEIKH ABDUN NASIR AL-HASANI
No. 2 Jalan Gunung Nuang U11/9A, Bukit Bandaraya SS U11,
40170 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Penerbit Eksekutif
Dr Mahmoud MrGlani
Editor
Rahmat Muhamad
Noormizan Ahmad
Penulis
Haji Ahmad Salim, Tabib Nur dan Rahmat Muhamad
Reka Bentuk kulit dan Kandungan
Abdul Jalil Shukor

Diedar Oleh
Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia
Dicetak Oleh
Percetakan FDZ
Bukit Serdang, Selangor.



Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia

Daftar Isi

Sekapur Sireh

Di Dunia Melayu zaman dahulu waktu Kesultanan Acheh Darus Salam di puncak jaya, seorang `Arif Billah telah menghikayatkan kembara sufinya dalam nazam-nazam syair yang serba indah. Sidang pembaca tentu pernah mendengar nama Syeikh Hamzah Fansuri *-moga ALLAH meredhoinya-* dan karya-karyanya seperti Syair Perahu dan Syair Burung Pungguk. Adapun dunia buku mutakhir di tanah air kita pula bukan tidak menerbitkan bahan bacaan Tasawuf dalam Bahasa Melayu, tapi yang bercerita tentang pengalaman peribadi dan *zauq* penempuh jalan tareqat jarang-jarang dapat kita tatap.


Dalam buku ini seorang warga emas, seorang separuh baya dan seorang lagi hampir menjangkau empat dekad mencoretkan sebahagian dari pengalaman peribadi masing-masing setelah mencuba sendiri didikan Tasawuf dalam BAHTERA Tareqat As-Syaziliyyah yang dinakhodai oleh Sidna Syeikh Al-Kamil As-Syarif Abdun Nasir Abu Bakar As-Siddiq Al-Hasani As-Syazili.


Kata orang-orang tua kita tak kenal maka tak cinta…

Jika gaya penulisan mereka tidak cukup baik itu harus kita maafkan kerana mereka pun baru bertatih dalam bidang penulisan. Namun apa yang mereka cuba sampaikan dalam buku ini memang sayogia mendapat perhatian dan patut diberi perhatian!

Penerbit

Sidna Syeikh Al-Kamil As-Syarif Abdun Nasir Abu Bakar As-Siddiq Al-Hasani As-Syazili -moga ALLAH meredhoinya- telah dilahirkan di kota Setif yang terletak di belahan timur Algeria pada tahun 1954. Syeikh beliau adalah datuk dari sebelah ibunya iaitu As-Syeikh Sidna Abd. Rahman Al-Hasani yang merupakan Syeikhul Islam di timur Algeria di waktunya dan memegang jawatan imam besar Masjid Al-`Atiq kota Setif sehingga ke akhir hayatnya. Adapun moyang beliau As-Syeikh Sidna Abdul Karim As-Syahir Al-Hasani merupakan mahaguru yang telah menyerahkan bendera jihad kepada Al-Amir Abdul Qadir Al-Jazairi Al-Hasani dalam perjuangan kemerdekaan menentang penjajahan Perancis.





Dia merenung ke ufuk timur… ke rantau Tanah Jawi… ke Semenanjung Tanah Melayu lalu dengan bidikan tepat, satu anak panah diluncurkannya...



Bab Pertama

Dia Merenung ke Ufuk Timur

Rahmat Muhamad

Sidna Syeikh Al-Kamil As-Syarif Abdun Nasir Al-Hasani As-Syazili *-moga ALLAH meredhoinya dan mencapaikan keredhoan buatnya-* merenung dari zawiyahnya yang makmur dengan zikir dan para solihin di kota Madinah Al-Munawwarah… dari zawiyahnya itu beliau merenung ke ufuk timur… ke rantau Tanah Jawi… ke Semenanjung Tanah Melayu lalu dengan bidikan tepat, satu anak panah diluncurkannya.



Anak panah yang beliau pilih itu adalah Syeikh ku Dr. Mahmoud MrGlani. Maka dengan madad dan keberkatan sang mahagurunya beliau memikul amanah dengan gigih dia datang ke bumi Timur ini membajak, mengolah dan merawat "tanah" untuk satu "pertanian" subur menghijau. Kini "pertanian" itu sudah mula membuahkan hasilnya. Perlahan-lahan Syeikh ku memulakan tugas dan dengan bimbingan langsung dari Syeikhnya, dia gagah

mengorak langkah di Malaysia tanah bertuah. Pekerjaannya mentarbiyyah dan mengasuh murid-muridnya tanpa jemu. Dengan berani dia menyampaikan ilmu tentang Tasawuf yang soheh, jelas, terang dan murni di majlis-majlis am dan khas, dari ceruk kampung hingga ke ruang tamu diraja dan pentas institut pengajian tinggi, tidak ketinggalan di surau-surau desa hingga ke pejabat-pejabat para menteri.

Syeikh ku Dr. Mahmoud MrGlani Al-Husayni As-Syazili *-moga ALLAH memelihara dan meneguhkannya-* pergi menziarahi kumpulan-kumpulan sufi dari Perlis sampailah ke Sabah, mesra menghulur salam silaturrahim dengan para guru tareqat dan berdialog untuk saling bahu membahu demi kemaslahatan umat.

Tidak cukup dengan itu bahkan beliau telah mendatangi kumpulan-kumpulan ajaran yang disenarai hitamkan. Beliau dengar sendiri apa kepercayaan mereka dan seterusnya dengan hikmah memberi pencerahan serta mengkritik tegas keterbabasan mereka dari landasan yang benar... kalau perlu hingga bertegang urat leher dan merah-merah muka. Ini telah sampai ke tahap Syeikh ku diugut bunuh oleh orang-orang tertentu.

Ramai orang mengelak dari beliau kerana ketegasannya itu, namun di hati kecil, mereka sama sekali tidak dapat membenci kerana sedar dan jelas kelihatan akan ketulusan beliau dalam pergaulannya. Sebaliknya ramai pula orang yang mengasihi beliau sepenuh hati kerana tahu akan kebenaran kata-katanya biar pun sebahagiannya pahit untuk ditelan. Aku tahu benar semua kisah ini kerana dalam tiap pertemuan itu aku ada bersamanya mengkhidmati beliau sebagai penterjemah.

Syeikh ku bergerak maju mengasaskan zawiyah-zawiyah Tareqat As-Syaziliyyah di merata negeri serta membuka

majlis-majlis khatam Al-Quran dan selawat junjungan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Tanpa berlebih-lebihan dapat ku tegaskan di sini bahawa dengan bimbingan dari Syeikhnya, iaitu Sidna Syeikh Al-Kamil As-Syarif Abdun Nasir Al-Hasani As-Syazili, Syeikh ku merupakan tokoh pertama di Malaysia yang menyampaikan ajaran Tasawuf Islam yang sunni dan muktabar dengan bahasa moden nan segar di udara melalui siri siaran langsung beliau yang diminati ramai di IKIM.fm. Segalanya bermula dengan kuliah radio pertamanya sempena sambutan Ma'al Hijrah tahun 1431H bersamaan tahun 2009.

Syeikh ku menyampaikan asuhan kepada kami murid-muridnya pada tiap kesempatan yang rasmi mahu pun tidak rasmi. Sama ada ketika majlis zikir, mahu pun ketika dalam permusafiran. Sama ada melalui program uzlah mahu pun dengan siri artikel tetapnya di laman sesawang. Sama ada dengan buku-buku karangannya mahu pun kitab-kitab yang beliau terbitkan semula dan dengan pelbagai cara lagi.

Tidak hanya menumpukannya kepada kami (*muridin muridat* beliau) bahkan dikongsikan juga kepada masyarakat umum tanah air kita; Syeikh ku menyampaikan makrifat dan ilmu yang beliau warisi dari ahli sanadnya dalam siri seminar Nafahat Jalan Robbi (NJR). Bermula dengan :

1) NJR1: Makarimul Akhlaq, telah beliau sampaikan beberapa kali antaranya kepada para pegawai Jabatan Agama Islam Johor, ahli lembaga pengarah JCorp dan di UNITEN Bangi 2013
2) NJR2: Tazkiyatul Akhlaq, BANGI GATEWAY 2014
3) NJR 3: Tahzibun Nufus, BANGI GATEWAY 2014
4) Nafahat Jalan Robbi 4, UiTM 2014
5) Nafahat Jalan Robbi 5, UKM, Bangi 2014
6) Nafahat Jalan Robbi 6, UM, Petaling Jaya 2015

dan ketika buku ini sedang digarap beliau dalam persiapan membentangkan seminar yang berikutnya iaitu Nafahat Jalan Robbi siri ke tujuh.

Syeikh ku juga merupakan orang pertama di sini yang mengembangkan majlis zikir selawat Sidnan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم bahkan usaha-usaha ini turut beliau kembangkan di beberapa negara jiran kita.

Syeikh ku Dr. Mahmoud MrGlani -sejauh yang ku tahu- adalah ulama pertama dari Kota Madinah Al-Munawwarah yang datang ke rantau Tanah Melayu untuk menyebarkan tarbiyyah dan ilmu. Dalam sejarah nenek moyang kita rata-rata ulama Hijaz yang turun ke sebelah sini adalah dari Kota Makkah Al-Mukarromah, sekitar 200 tahun yang lampau memang ada ulama kalangan awliya besar Madinah yang memberi perhatian kepada Tanah Jawi iaitu As-Syeikh Muhammad Bin Abdul Karim As-Samman *-moga ALLAH meredhoinya-*, namun beliau tidak turun tangan sebaliknya mengutus murid-muridnya kalangan anak Melayu seperti As-Syeikh Muhammad Arsyad Al-Banjari, As-Syeikh Abdus Somad Al-Falimbani dan As-Syeikh Daud Al-Fathoni. Tapi kali ini ulama anak watan Madinah dari titihan Ahlul Bait



sendiri yang turun padang. Terima kasih yang sebesar-besarnya kepada Sidna Syeikh Al-Kamil kerana sudi mengutus beliau dan kemuliaan ini ke negeri kami.

Semua itu dan banyak lagi…Wallahi bukanlah niatku untuk bermegah-megah kepada sesiapa. Tujuan ku sekadar mahu menceritakan nikmat ALLAH Azza wa Jalla yang dikurniaiNya lalu menyiram subur ke jiwaku dan tanah watanku yang tercinta melalui Sidna Syeikh Al-Kamil dan muridnya Syeikh ku doktor yang mulia.

Kepada sidang pembaca aku persilakan untuk menatap seterusnya halaman-halaman buku ini yang berbicara kepadamu dengan kejujuran cinta dan kata. Moga ALLAH sudi memuliakan diriku dan sidang pembaca budiman dengan *jaah* (tuah) Junjungan termulia yang Baginda itu mata air ilmu, hikmat, budi dan kesantunan Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ وَسَلَّم.

Seminar Makarimul Akhlak (NJR1) bersama Ahli lembaga Pengarah JCorp, Pan Pacific Johor Baru.



Bab Kedua

Pertama Kali Bertemu Syeikh ku

Hj Ahmad Salim

Ketika pertama kali saya mendengar suara Yang Berbahgia Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani adalah di siaran Radio IKIM FM pada awal 2010. Ketika itu terdetik di hati saya, Syeikh ini kedengarannya seperti seorang yang sangat mentakzim dan mencintai Saiyidina Mawlana Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.

Mana tidaknya, mukaddimah ceramahnya berlangsung selama kurang lebih sepuluh minit untuk berselawat, memuji dan mentakzim Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Saya belum pernah mendengar seorang penceramah yang memulakan ceramahnya dengan mukaddimah yang sebegitu tinggi takzimnya terhadap Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيه وَسَلَّم. Terdetik di hati saya alangkah baiknya kalau ALLAH mengizinkan saya dapat berkenalan dengan beliau.

Pada tanggal 23hb Disember 2010 saya memenuhi jemputan sahabat saya, Hj. Hassan Mokhtar yang mengadakan majlis kenduri kesyukuran. Di situ saya telah mendengar ceramah Yang Berbahgia Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani. Alhamdullillah seperti pucuk dicita ulam mendatang, inilah detik yang saya tunggu selama ini iaitu untuk berkenalan dengan beliau.

Itulah detik pertama kali mata ini menatap wajah beliau.

Syeikh Dr. Mahmoud adalah anak watan Kota Madinah Al-Munawarrah yang juga seorang Ahlul Bait dari Saiyidina Hussain. Raut wajahnya tidak ketara kearabannya.

Apa yang paling menarik hati saya pada malam itu ialah meyaksikan kemesraan beliau yang luar biasa ketika menyambut para tetamu yang hadir. Syeikh Dr. Mahmoud tampil dengan wajah yang berseri-seri serta terukir senyuman manis telah bersalaman dan berpelukan dengan para tetamu seolah-olah mereka adalah kenalan lama beliau. Apabila melihat kegembiraan dan kemesraan yang terpancar di wajahnya ketika menyambut tetamu, hati saya turut bergembira. Terasa seolah-olah seperti pertemuan anggota keluarga yang sudah lama terpisah.

Satu perkara yang saya perhatikan pada malam itu yang tidak pernah berlaku di mana-mana majlis ialah penceramah yang dijemput (Syeikh Dr. Mahmoud) turut bersama dengan tuan rumah (Hj. Hassan Mokhtar) ketika menyambut dan meraikan ketibaan para tetamu. Biasanya hanya tuan rumah sahaja yang melayan dan menyambut tetamu.

Hati saya takjub melihat teladan mahabbah dan penghormatan Syeikh terhadap para tetamu yang hadir untuk mendengar ceramahnya. Malahan beliau berusaha datang lebih awal untuk memuliakan dan menyambut para tetamu. Ini bukan akhlak biasa, ini akhlak luarbiasa!

Malam itu kediaman Hj. Hassan Mokhtar sesak dengan kehadiran para tetamu (yang terdiri dari kalangan sahabat taulannya) dari seluruh Kuala Lumpur dan Selangor.

Sekali lagi, buat pertama kalinya pada usia 63 tahun, saya telah mendengar satu pencerahan mengenai kepentingan berselawat kepada Junjungan Saiyidina Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Selama ini, belum pernah saya dengar penjelasan serta huraian yang begitu jelas dan

menarik mengenai perintah ALLAH supaya orang mukmin berselawat kepada Baginda.

Ianya seperti firman ALLAH di dalam Al-Quran yang bermaksud,

"Sesungguhnya ALLAH dan para MalaikatNya berselawat ke atas Nabi. Wahai orang-orang beriman berselawatlah kamu ke atas Nabi dan ucapkanlah salam akan sebagai salam yang sempurna."

Al-Ahzab: 56

Inilah ayat yang diulang-ulang setiap kali khatib berkhutbah pada hari Jumaat. Namun tidak pernah sekali pun saya mendengar sama ada di dalam khutbah atau pun di luar khutbah huraian mengenainya.

Malam itu Syeikh memberi suatu pencerahan baru buat diri saya. Beliau menghuraikan dalam pelbagai bentuk ibadah hamba terhadap ALLAH, hanya ibadah selawat sahaja yang ALLAH mulakan dengan diriNya dan para malaikat sebelum diperintahkan kepada orang mukmin untuk berselawat.

Beiau menyambung lagi bahawa tiada riyak pada amalan selawat. Bagi amalan lain, ALLAH akan menilai setiap satunya sebelum diterima. Namun tidak bagi amalan selawat. ALLAH menerima setiap amalan selawat.

Terdapat banyak maklumat-maklumat baru yang belum pernah saya dengar mengenai kelebihan berselawat. Maklumat-maklumat ini menunjukkan betapa pentingnya nilai amalan selawat di sisi ALLAH.

Tetapi pelik mengapa hal ini tidak menjadi pengetahuan umum kepada masyarakat. Mengapa para ustaz dan pendakwah bebas tidak banyak menjelaskan dan menghuraikan tentang kelebihan berselawat di majlis-majlis pengajian baik di masjid mahu pun di surau?

Mengapa pengetahuan tentang kepentingan selawat ini tidak tersebar luas? Ini semua menyebabkan selawat tidak menjadi amalan harian kebanyakan muslim. Setelah mendengar beberapa kali penerangan Syeikh tentang kepentingan selawat barulah saya faham bahawa amalan berselawat diperintahkan oleh ALLAH kepada orang yang beriman untuk mengamalkannya.

Sudah 63 tahun saya jalani kehidupan sebagai seorang Muslim yang belum mengamalkan selawat sebagai amalan harian. Maknanya saya belum menjadi seorang mukmin lagi, remok redam dan hancur luluh hati saya mengenangkan perkara ini.

Detik itu juga saya terus nekad untuk berbai'ah (mengucapkan janji setia) menjadi murid kepada Syeikh Dr. Mahmoud. Walaupun saya belum benar-benar mengenali beliau tetapi hati ini kuat memancarkan isyarat. Inilah dia guru yang saya cari-cari.

Terdetik di benak fikiran saya ketika itu ialah di antara ciri guru yang baik adalah; beliau akan menyampaikan perkara-perkara yang penting, yang utama, yang perlu diketahui dan diamalkan oleh mereka yang ingin selamat dan membaiki diri. Inilah yang dinamakan jalan menuju ALLAH Subhanahu wa Taala. Dia menyampaikan apa yang telah dipelajari daripada gurunya, dan gurunya daripada gurunya sehinggalah sampai sanadnya kepada Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.

Kini saya telah bersama beliau hampir lima tahun sebagai seorang murid. Di sepanjang pengalaman saya bersama Syeikh Dr. Mahmoud sehingga ke hari ini, di mana-mana sahaja beliau pergi tajuk pilihannya adalah kepentingan berselawat terhadap Junjungan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.



Foto bersama Syeikh ku, Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani selepas tamat majlis uzlah di Hulu Selangor. Di kiri Syeikh adalah rakan sezawiyah, Tabib Nur.

Bab Ketiga

Kini Aku Bersamanya

Tabib Nur

Dengan Rahmat Kasih Sayang ROBBANA
yang mengurnia kekuatan padaku menulis
dan berkongsi bersama para pembaca budiman,
moga ALLAH memuliakan kita semua.
Aku memohon istighfar kepada ALLAH
untuk diriku kaum Muslimin.
Aku mohon istighfar kepada ALLAH
kerana malu kepada ALLAH.
Alhamdulillah....
Segala puji bagi ALLAH di atas pertolonganNya
Alhamdulillah Segala puji bagi ALLAH
atas taufik dariNya
Alhamdulillah Segala puji bagi ALLAH
atas santunanNya,
atas kelembutanNya, atas pertolonganNya
dan atas penjagaanNya .
Selanjutnya Selawat dan salam ke atas Sidna Nabi
pilihan iaitu Saiyidina wa Maulana Muhammad
Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.
dan juga ke atas keluarga Baginda yang baik lagi
suci, yang mereka itu dikurniakan segala kelebihan
dan kemuliaan daripada Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم
secara hissi dan maknawinya

dan juga ke atas para sahabat Baginda yang muqorrobin lagi bercahaya pandangan mata hati mereka itu dengan cahaya mentari Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.

Alhamdulillah kini aku bersama Sidna As-Syeikh Al-Kamil As-Syarif Abdun Nasir Ibnu Abu Bakar As-Siddiq Al-Hassani -moga ALLAH meredhoinya-. Sekarang umurku mulai mencecah 54 tahun dan sudah hampir lima tahun aku bersama seorang Syeikh Mursyid yang kamil lagi *washil* -Allahumma rahmatilah dan redhoilah beliau-.

Minda dan hatiku tersentak kerana tak dapat ku berhenti membukanya dan terus terbuka walaupun ku cuba berkata tutup. Itulah halnya sepanjang-panjang waktu jika dapat mendekati hadrat beliau Sidna Syeikh Al-Kamil. Selalunya bila beliau memulakan kata-kata, beliau takkan berhenti dan tak terlepas sedikit pun dari menyebut-nyebut kebesaran, keagungan, keindahan dan kelebihan ciptaan Tuhan yang termulia iaitu sebaik-sebaik makhluk kejadian Saiyidina wa Maulana Muhammad Habibullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.

Bahasa cakapnya mengalir lembut kerana suara itu dari susunan kata-kata di dalam hatinya, bukan dari lidah dan inilah yang ku rasai. Sebab itu suaranya perlahan seperti orang yang mahu berbisik-bisik, jika tidak bersungguh-sungguh beri perhatian kita akan terlepas ungkapan-ungkapan itu yang tidak mungkin diulang lagi. Beliau begitu berhati-hati ketika berbicara.

Subhanallah, mana mungkin bisnesku, program duniaku serta tarikan anak-anak dan isteri-isteriku dapat memisahkan daku menikmati kelazatan yang luar biasa ini diketika duduk bersuhbah dengan beliau. Terlupa aku masa yang panjang berlalu bersama beliau tidak menjadi letih dan

mengantuk untuk mengambil rehat. Bagaimanakah agaknya didalam benak fikiranku terfikir dan terbayang keadaan para sahabat رضي الله عنه أجمعين pula tiap kali mereka duduk bersuhbah bersama disisi Saiyidina wa Maulana Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم ?

Mereka para sahabat sudah tentunya di puncak peradaban. Mereka adalah orang-orang yang terhormat, bagaimana tidak mereka beradab, bahkan mereka sedikit pun tidak berani meninggikan suara, sentiasa menunduk kepala dan duduk hormat dengan penuh sopan di hadrat Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.

Tergambar padaku para sahabat Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم itu, diketika mereka hendak berkata-kata, mereka sudah tentunya sentiasa mulakan dengan kata-kata yang penuh takzim dan mahabbah seperti :"Ya Saiyidana.. Ya Maulana..Ya Habiballah..Ya Rasulullah" Mereka terdidik dengan penuh takzim, berakhlak dan beradab sekali.

Sekali lagi aku terfikir...kenapa Saiyidina Abu Bakar رضي الله عنه pun kalau boleh tidak mahu langsung berpisah walau sedetik daripada bersuhbah dan terlalu cintakan Saiyidina wa Maulana Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم ? Beliau begitu fana' hingga apabila Saiyidina Rasulullah masuk -usai solat isya' menyambung solat di rumah Baginda- Saiyidina Abu Bakar akan menunggu di luar, merintih : "*Aduhai malam pedihnya hatiku keranamu, kerana kamulah aku terpisah dengan Kekasih hatiku...tidak tertahan aku menunggu fajar* (untuk solat Subuh bersama Saiyidina Rasulullah) *aduhai malam...!!.*"

Cukuplah jika dapat ku kecap sepersepuluh dari nikmat bersuhbah dengan orang-orang ALLAH ini. Alhamdulillah, akhlak dan budi bahasa Sidna Syeikh Al-Kamil telah menghanyutkan aku jauh bersyahdu terharu manja.

Ayohai Sidna Syeikh! Engkau menjadi inspirasiku... Wajahmu yang diserikan mahkota serban dan persalinanmu jubah pakaian para anbiya', kulit yang putih kemerah-merahan terpancar serinya... sungguh anggun dirimu! Kumis pendek dan jangut berbauk nipis lembut, halus berwarna putih segar. Hidung mancung dan mata sentiasa memandang ke bawah, bertambah kasih dipandang. Duduk dan berdirinya berhemah serta tasbih sentiasa di tangan. Itulah Sidna Syeikh Al-Kamil-ku dipertemuan tertutup yang pertama dengan beliau.

Terima kasih tak terhingga ku ucapkan kepada Syeikh ku Dr. Mahmoud MrGlani wakil utama Sidna Syeikh Al-Kamil kerana menyusun dan mempertemukan kami dengan Grand Syeikh Sidna. Sebenarnya jauh disudut hatiku... ingin ku katakan bahawa Syeikh ku adalah pengganti, pengubat rindu dan fotokopi kepada Sidna Syeikh ku, tak ubah memang semacamnya, sebiji tak tumpah... Allahumma Engkau angkatlah darjat kedua-dua mereka tinggi dan mulia disisiMu, ALLAHUMMA ROBBANA AMIN...





Sidna Syeikh Al-Kamil As-Syarif Abdun Nasir Ibnu Abu Bakar As-Siddiq Al Hasani As-Syazili.

Bab Keempat

Dahulu Sebelum Bertemu

Rahmat Muhammad

Dahulu sebelum bertemu Sidna Syeikh Al-Kamil dan Syeikh ku aku punya persepsi yang murung tentang Tasawuf dan tareqat sufi. Maklum sajalah momokan orang ramai terhadap kelompok yang katanya ketinggalan zaman, memencil diri dan tak bergaul dengan masyarakat, jumud, gila isim dan lain-lain tidak saja mempengaruhi aku bahkan ramai kalangan orang Islam kita takut-takut dengan tareqat sufi dan Tasawuf.

Itu ditambah pula dengan pengalaman masa lalu waktu aku dalam sebuah jemaah gerakan Islam yang amat bersemangat dan indah pada peringkat awalnya namun lama kelamaan berlaku macam-macam karut-marut dan huru-hara… (sudah takdir ALLAH… yang lepas jadikanlah iktibar). Dalam jemaah itu aku berterima kasih kerana di awal penubuhannya ilmu-ilmu fardhu ain disampaikan kepada para pengikutnya. Di samping itu pelajaran Tasawuf turut disampaikan melalui kitab-kitab klasik seperti *Hidayatus Salikin* dan *Sairus Salikin* yang keduanya karya ulama agung Melayu As-Syeikh Abdus Samad Al-Falimbani *-moga ALLAH merahmatinya-*. Dua kitab ini dan kitab-kitab klasik lain juga biasa menjadi teks di banyak pengajian tradisional, masjid dan surau tanah air kita dan Nusantara amnya hingga

ke zaman mutakhir.

Yang ku dapati dahulu pada gerakan Islam itu ialah mereka menerima pakai nilai-nilai tareqat sufi seperti persaudaraan, keselarasan, pengorbanan, kasih sayang dan lain-lain namun didikan Tasawuf diabaikan.

Pada sesetengah kumpulan lain pula mereka menyedari kepentingan amalan zikir seperti yang menjadi dasar dalam tareqat sufi lalu menerapkan amalan wirid contohnya Al-Ma'tsurat ke dalam jemaah mereka. Namun baik dalam jemaah yang pernah ku sertai itu atau dalam banyak lagi kumpulan-kumpulan lain tetaplah pelajaran Tasawuf dianggap sebagai sesuatu yang jika ada bagus dan jika tiada pun tidak mengapa.

Lisanul hal mereka berkata bahawa Tasawuf yang macam dalam kitab klasik itu baik tapi sudah tidak sesuai dengan kemodenan zaman. Lebih parah lagi bahkan ada pihak yang menghukum kafir secara menyeluruh kepada Tasawuf dan para pengamalnya.

Hidup ku berterusan normal saja seperti orang lain. Tapi persoalanku terhadap realiti Tasawuf seperti yang tertulis dalam kitab *Ihya' Ulumuddin*, *Quth Al-Qulub*, *Ar-Risalah Al-Qusyairiyyah* dan lain-lain tetap muncul dalam benak pemikiranku saban waktu. Aku ingin benar melihat mana dia insan-insan *sodiqin* yang tulus pergaulan dengan ALLAH dan dengan manusia seperti yang telah ku baca dalam kitab *Ihya'*. Masih adakah orang-orang seperti mereka di tengah hiruk-pikuk kemodenan ini?

Bukannya tidak ada penceramah yang berbicara tentang agama, tentang akhlak mulia, tentang sopan santun budaya dan segala nilai murni di pentas-pentas umum, di corong radio dan siaran tv, di seminar-seminar dan ceramah. Tidak kurang juga yang menggelar pengajian mereka Tasawuf



Syeikh ku bersama para ulama turats Asia Tenggara di Sambutan Maulid Kubro Yayasan Al-Jenderami 1431H - 2010M.

moden. Cuma yang ku persoalkan ialah orang-orang yang seperti dalam kitab *Ihya'* itu di mana sekarang? Dilemaku ini sampai ke puncaknya pada tahun 2007. Di waktu perantauanku mengaji di kota Qaherah dan tinggal di kawasan kejiranan As-Saiyidah Zainab رضي الله عنها. Sudah tidak dapat hendak ku tahan dalam jiwa, akhirnya ku luahkan dalam monolog :

"Allahumma ya ALLAH kalau Kau tak tunjukkan padaku orang yang macam dalam kitab Ihya' maka apa gunanya lagi kitab ini?! Apakah sekadar nak jadi cerita yang sudah tak releven di zaman sekarang ?! Allahumma ya ALLAH jika Kau tak tunjukkan padaku orang yang macam dalam kitab Ihya' maka lebih baik ku bakar saja kitab ini!!!"

Aku istighfar kepada ALLAH atas perkataanku yang tiada manusia lain tahu waktu itu. Astahgfirullah bukan aku menghukumkan Tasawuf tidak ada, dari dahulu hingga sekarang dan akan datang tentunya Tasawuf tetap ada cuma aku yang belum menemuinya di dunia hidupku waktu itu.

ALLAH Maha Besar. Tidak berapa lama dari monolog tadi aku diajak Syeikh ku Dr. Mahmoud MrGlani untuk bertemu mahagurunya Sidna As-Syeikh Al-Kamil As-Syarif Abdun Nasir Al-Hasani As-Syazili. Pertemuan yang amat bermakna itu masih segar dalam ingatanku.

Berlakunya ia di Masjid Saiyidina Husein رضي الله عنه di



pusat kota lama Qaherah[1]. Pertemuan itu telah menyedarkan ku betapa Syeikh ku amat tulus mendidik dan mahu diriku menjadi lebih baik dan bertambah lebih baik. Tidak dapat hendak ku jelaskan dalam rangkaian kata namun hatiku sejak pertemuan itu jadi percaya seyakin-yakinnya bahawa di atas muka bumi yang sudah akhir zaman ini sosok-sosok manusia seperti yang ku baca kisah-kisah mereka di dalam kitab *Ihya' Ulumuddin* masih wujud di alam nyata!

1 - Ini sebenarnya pertemuan keduaku dengan Sidna Syeikh Al-Kamil. Pertemuan pertamaku dengan beliau berlaku di kota Madinah Al-Munawwarah penghujung bulan Syaaban tahun 1415H / Januari 1995, cuma pada pertemuan pertama yang singkat itu aku masih belum mengenali beliau.

Bab Kelima

Muqaddimah Tasawuf

Rahmat Muhammad

"Sudah sedia dimaklumi bahawa Tasawuf itu berdiri di atas nas dan nas ini pada asalnya merupakan apa yang dituturkan oleh lidah Sidnan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم telah bersabda :

حُسنُ الـخُلُق نِصفُ الدِّينِ

"Akhlak baik merupakan separuh dari agama."

Akhlak merupakan sesuatu yang amat agung. Akhlak inilah yang dipegang teguh oleh para Ahlillah iaitu para ahli Tasawuf. Mereka membawa akhlak dalam kehidupan mereka dan merekalah para penempuh jalan menuju ALLAH.

Dalam sebuah hadis yang mutawatir dituturkan oleh para ulama hadis Baginda Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم bersabda :

أَقرَبُكُم مِنِّي مَـجلِسًا يومَ القِيَامَةِ أَحَاسِنُكُم أَخلَاقًا

"Orang yang paling dekat kalanganmu tempat duduknya nanti denganku di hari Kiamat adalah orang yang paling baik akhlaknya."

Dampingan dan kedekatan kepada hadrat Baginda Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم pada hari Kiamat nanti diperuntukkan untuk

siapa ? Untuk manusia-manusia yang datang kepada pintu Sidnan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم yang telah bersabda :

إِنَّـمَا بُعِثتُ لِأُتَـمِّمَ مَكَارِمَ الأَخلَاقِ


"Demi sesungguhnya aku diutuskan
untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak."

Ketika mana ALLAH mengutuskan Baginda Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم kepada bangsa Arab, mereka waktu itu secara umumnya memiliki sifat keperibadian yang agung mulianya seperti keberaniaan, kesatriaan, kemurahan hati dan banyak lagi. Cuma ada yang kucar kacir pada hidup mereka maka ALLAH Taala mengutus junjungan Nabi kita صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم lalu Baginda telah menata urusan hidup mereka. Baginda menjadikan mereka menjalani kehidupan dengan baik. Baginda jadikan mereka berjalan menuju ALLAH dengan roh. Maka inilah dia ambilan para Ahlillah; jalan tareqat



mereka terbina di atas landasan ini.

Dan dengan demikian itulah jalan tareqat ini terbina di atas dua perkara:



Lantas umat kita Al-Ummatul Muhammadiyyah sekarang ini tercaing-caing terpecah-belah… apa puncanya? Puncanya tiada lain adalah kerana kita meninggalkan jauhar ini… iaitu akhlak mulia. Akhlah mulia inilah yang dibawa oleh para Ahlillah dan akhlak mulia inilah yang disabdakan oleh Baginda Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم sebagai separuh dari agama…"

Aku bermohon izin dari sidang pembaca budiman meletakkan petikan dari ucapan Sidna Syeikh Al-Kamil tadi sebagi pembuka kata bab ini. Ucapan ini telah beliau sampaikan di zawiyahnya yang bercahaya di kota Setif, Algeria bersempena sambutan Maulid Junjungan Agung Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم pada malam 12 Rabi`ul Awwal 1436 Hijrah saat salju nan putih bersih menyelimuti bumi.

Jikalau hendak didefinisikan Tasawuf Islam mengikut cara akademik dan falsafah pastinya ramai yang lebih tahu dariku. Tapi marilah sekarang kita menadah ilmu dari yang hidup kepada yang hidup, bukan lagi dari yang mati kepada yang mati…

Seperti didikan yang Syeikh ku terima dari Syeikhnya Sidna Syeikh Al-Kamil As-Syarif Abdun Nasir Al-Hasani As-Syazili *-moga ALLAH meredhoinya dan mencapaikan keredhoan buatnya-* itulah yang Syeikh ku asuhkan kepada kami para murid Tareqat As-Syaziliyyah; bahawa Tasawuf Islam yang soheh, jelas dan murni itu tidak lain dari berpegang teguh kepada Kitab dan Sunnah, tanpa keduanya Tasawuf pun tidak ada.

Tasawuf bukan esei falsafah yang buat pembacanya terkagum-kagum, maknanya terawang-awang di ruang udara dan realitinya entah apa-apa. Tidak kiralah sama ada esei itu ditulis dalam apa bahasa sekalipun, bahasa barat atau bahasa timur. Tidak kiralah sama ada yang menulisnya keturunan Islam atau *converted* saudara baru. Tasawuf juga bukanlah seperti yang digambarkan oleh sesetengah golongan sebagai satu bentuk nyanyian, tarian, paluan gendang, melompat-lompat, latahan dan apa segala.

Bagi sesetengah orang pula kalau dia bermaulid dan berqasidah itu ertinya dia sudah bertasawuf… ini satu lagi fahaman yang perlu diluruskan. Syeikh ku bercerita kepada kami tentang pengalaman waktu kecilnya empat puluh tahun yang lampau di kota Madinah Al-Munawwarah. Di perhimpunan awliya' solihin dan ulama `amilinnya majlis maulid mesti disertai dengan khatam Al-Quran dan zikir, para ahli qasidah didudukkan di barisan terakhir hadirin dekat tempat sepatu disusun dan di situlah mereka melantun qasidah.

Tapi sekarang segalanya sudah berubah; juru qasidah dan rebana mengambil posisi utama, hadirin datang meramaikan perhimpunan mendengar ceramah kerana hendak berseronok-seronok dengan nyanyian penasyid yang merdu sambil mengira bahawa itulah amalan zikir dan selawat majlis. Bagi mereka jika majlis diserikan dengan qasidah dan nasyid itulah majlis yang bagus, jika tidak dianggap kurang bagus.

Kata Syeikh ku duhai alangkah ruginya siapa yang begini halnya seraya mengingatkan pada kami tentang pesanan Sidna Syeikh Al-Kamil :

أَبَحنَا الـمَغنَى لِلمَعنَى

"Kami (para masyaikh Tasawuf) membenarkan qasidah untuk menyampaikan makna."

Bagaimana kita nak mencintai Saiyidina wa Maulana Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم ? Caranya ialah dengan mengamal selawat dan salam ke atas Baginda. Kalau sekadar dakwaan mahabbah Rasul atau cinta Rasul tapi tiada selawat maka nampaknya cintamu ada kecacatan. Majlis maulid memang bagus tapi lazimlah disertakan dengan zikir selawat ke atas Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Maulid menyalakan percikan api cinta tapi ia tak dapat mendatangkan cinta. Yang dapat mendatangkan cinta kepada Baginda di hatimu adalah amalan selawat. Di dalam Al-Quran ALLAH tidak berfirman suruh kita buat maulid tapi ALLAH perintahkan : "… *hendaklah kamu berselawat ke atas Baginda dan ucapkanlah salam akan sebagai salam yang sempurna (ke atasnya)*".

Para awliya solihin dan ulama `amilin membudayakan majlis maulid dengan tujuan supaya hati terbuka dan kuat untuk berzikir. Maulid menyediakan hati untuk merasa lazat

dan gemar kepada zikir. Majlis maulid yang menatijahkan gemar kepada zikir dan selawat inilah baru maulid yang bagus. Majlis maulid itu bagus, manis dan indah tapi kalau cuma maulid ia belum mencahayakan hati. Yang mencahayakan hati adalah amalan selawat ke atas Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم dan zikir mengingat ALLAH. Zikrullah dan selawat ke atas Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم padanya ada cinta, nur, *tajalli*, *sirr*, makrifat, tareqat, hakikat, syariat dan padanya ada segala kebaikan.

Berbetulan pula dengan bab ini sukalah aku coretkan kisah benar yang berlaku di depan mataku dan di tanah air kita sendiri untuk kita sama-sama mengambil pengajarannya.

Pada satu hari Sidna Syeikh Al-Kamil menggelar majlis di sebuah kediaman di ibu kota lalu dihadiri oleh para murid dan pecinta beliau. Majlis yang diisi dengan ibadah, khatam Al-Quran, bacaan zikir serta muzakarah ilmu itu berlarutan dari sebelum maghrib hingga lewat tengah malam. Kami para hadirin yang berdatangan dari sekitar Lembah Kelang, Johor, Melaka, Pahang dan Kedah waktu itu merasa amat gembira kerana beroleh pengisian rohani dan jasmani yang jarang-jarang kami dapat. Maklum sajalah Sidna Syeikh Al-Kamil pun hanya sekali sekala berkesempatan menziarahi para muridnya di sini.

Usai solat Isya' Sidna Syeikh Al-Kamil mengajak kami sama-sama membaca Hizbun Nasr Sidna Abul Hasan As-Syazili *-moga ALLAH meredhoi beliau-* yang cukup masyhur di kalangan tareqat sufi. Sewaktu hizb baru nak dibaca, seorang ustaz yang merupakan kenalan kepada tuan rumah telah menyempatkan diri untuk singgah ke majlis. Sidna Syeikh Al-Kamil pun mengalu-ngalukan kedatangannya, dia mengambil tempat di sebelah Sidna Syeikh dan hizb pun dibaca.

Selesai hizb Sidna Syeikh Al-Kamil sekali lagi mengalu-alukan ustaz tetamu sembari mempersilakannya untuk sudi memberi sepatah dua kata sempena majlis ini. Sang ustaz gembira lalu menyambut mikrofon dan berucap mengalu-ngalukan Sidna Syeikh serta majlisnya yang Masya ALLAH berseri dengan bacaan Hizbun Nasr. Habis saja ucapannya itu ustaz tetamu minta izin beredar kerana kesibukannya dan kami meneruskan majlis hingga khatam.

Yang menjadi ceritanya ialah selepas dari majlis itu. Rupa-rupanya sang ustaz panas punggung lalu kemudian berkata kepada si tuan rumah: "Saya dah *round* dunia dan menghadiri banyak majlis zikir merata-rata. Di mana-mana tempat pun majlis zikir setengah jam saja atau paling lama dua jam. Apa lah Syeikh Abdun Nasir ni menyeksa orang paksa mereka duduk berzikir sampai tujuh lapan jam ?!."

Apabila komen itu sampai kepada Sidna Syeikh Al-Kamil beliau hanya tertawa kecil lalu berkata: "Tak mengapalah, saya dah maafkan ustaz itu… kasihan, dia masih belum merasa *zauq*."

Bab Keenam

Keperluan Kepada Seorang Mursyid

Hj. Ahmad Salim Omar

Setelah pertemuan pertama dengan Syeikh Dr. Mahmoud di rumah Hj. Hassan, berlaku lagi beberapa pertemuan dengan beliau di rumah Tabib Nur di Paya Jaras Sungai Buloh. Dalam siri pertemuan ini, Syeikh banyak menerangkan perihal Tasawuf, perihal tareqat, perihal ehsan, perihal jalan menuju ALLAH dan perihal kemurnian hati.

Walau pun semua perihal itu saya pernah dengar sebelum ini namun pengetahuan saya mengenainya sangat cetek. Tiada jauhari yang benar-benar arif dapat menerangkannya kepada saya.

Sebelum ini, tidak pula saya terfikir akan perihal jalan menuju ALLAH atau perihal kemurnian hati. Apa yang bermain di fikiran saya dahulu ialah bagaimana hendak membela Islam, bagaimana hendak membangunkan Islam; bagaimana hendak menyebarkan Islam.

Jarang sekali untuk saya memikirkan bagaimana untuk membangunkan Islam dalam diri saya tetapi asyik pula memikirkan bagaimana untuk membangunkan Islam pada orang lain seolah-olah Islam saya sudah mantap. Saya ingin mencari saham untuk Akhirat tetapi tidak pula saya peduli apakah amalan saya cukup syarat pada pandangan ALLAH?

Ini merupakan satu penipuan yang sangat besar. Sibuk berjuang Islam di luar; lupa membangunkan Islam di dalam; lupa memurnikan hati dari cengkaman nafsu menyebabkan amal yang dibuat bukan kerana ALLAH tetapi kerana selain ALLAH. Saya bersyukur dapat bertemu dengan seorang mursyid yang memandu saya ke arah memikirkan pentingnya kemurnian hati.

Apakah hati saya sudah murni? Apakah semua amalan saya benar-benar hanya untuk ALLAH? Apakah semua amalan saya kerana ALLAH tidak kerana yang lain? Saya tidak dapat menjawab persoalan ini. Oleh itu saya sangat memerlukan seorang mursyid untuk merawat hati saya yang masih jauh dari kemurnian.

Selama ini istilah mursyid atau istilah Syeikh Kamil amat asing bagi saya. Yang biasa saya dengar ialah kita perlu kepada pemimpin Islam yang berwibawa yang berkarisma, yang ada ketokohan memimpin, yang disegani dan dihormati, dan yang menguasai ilmu syariat Islam, dahulu saya berfikir kalau pemimpin satu organisasi Islam bererti dia mursyid.

Saya juga tidak tahu apa itu pengertian jalan menuju ALLAH. Melalui penerangan dan pencerahan yang Syeikh sampaikan barulah saya faham, bahawa Islam itu ada tingkatannya. Ada tingkatan Muslim, Mukmin dan Muhsin. Sementara Tasawuf itu pula ialah ehsan, kemurnian akhlak dan persoalan adab.

Kemurnian akhlak pula dicapai melalui tareqat iaitu jalan menuju ALLAH di bawah pimpinan seorang Syeikh yang *kamil* lagi *washil muwasshil* iaitu yang sempurna, sampai dan menyampaikan. Kini baru saya faham bahawa tareqat atau jalan menuju ALLAH itu ialah memurnikan hati dan mensucikan hati dari kotorannya.

Di antara perkara yang menarik perhatian mengenai

majlis yang dikendalikan oleh Syeikh Dr. Mahmoud adalah beliau berulang kali menerangkan bahawa seorang Syeikh itu sebelum melayakkan dirinya diterima sebagai seorang Syeikh mestilah dia memenuhi banyak syarat. Di antaranya adalah seorang Syeikh itu mestilah telah berguru dengan Syeikh yang mempunyai hubungan hati dengan Junjungan Nabi Mulia صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Seorang Syeikh itu juga mestilah mendalam hakikatnya lagi ahli *tahqiq.* Seorang Syeikh itu juga mestilah telah mendapat kurniaan izin untuk menjadi mursyid bagi menyampaikan tarbiyyah. Di samping itu, seorang Syeikh itu juga mestilah telah selesai mengadabkan jiwanya dan telah lepas dari hawanya.

Syeikh menerangkan lagi bahawa Syeikh Mursyid dalam istilah Tasawuf ialah seorang lelaki yang telah mencapai martabat kesempurnaan. Dia juga digelar Al-Murobbi (pembimbing jalan menuju ALLAH atau pendidik). Perkataan mursyid berasal dari kata terbitan *irsyad* yang memberi erti petunjuk iaitu lawan dari kesesatan. Mursyid ini sifatnya murobbi iaitu orang yang membimbing kepada ALLAH melalui lisan, ehwal dan perbuatannya.

Para masyaikh menjelaskan seorang Syeikh itu jika menasihatimu dia memberi kefahaman kepadamu… jika memimpinmu dia memberi petunjuk kepadamu… jika membimbingmu dia membangkit jiwamu. Seorang Syeikh itu bererti dia menjadikan engkau berkomitmen dengan Al-Quran dan As-Sunnah. Dia menjadikan engkau jauh dari rekaan-rekaan baru, *bid`ah* dan *mujassimah* (kafir tanpa syak).

Melalui penulisan pula, Syeikh Dr. Mahmoud banyak menjelaskan bahawa seorang Syeikh itu ialah yang zahirnya syariat dan batinnya juga syariat. Anggota lahirnya memegang teguh syariat dan di dalam jiwanya juga begitu.

Ini adalah kerana seorang Syeikh itu segala pekerjaannya yang zahir dan batin sama sekali tidak akan menyeleweng dari syarak.

Seluruh hidupnya adalah untuk menyebarkan makarimul akhlak. Seluruh waktunya adalah untuk dalam zikrullah, di majlis zikir dan bersama ahli zikir. Inilah dia peribadi yang layak bagi seorang Syeikh yang mesti diteladani.

Syeikh Dr. Mahmoud menerangkan lagi bahawa junjungan para masyaikh kamil *-semoga ALLAH meredhoi mereka dan mengurniakan kepada kita manfaat mereka-* telah menjelaskan fadhilat Syeikh Kamil yang menjadi tauladan dalam rangkap kata berikut:

Seorang syeikh yang mursyid itu
sifatnya berpegang kitab ALLAH,
menurut sunnah Rasulullah
menjejak jalan para sahabat.

Dia mengajar halal dan haram
juga segala hukum dan hakam
akhlaknya luhur fi'ilnya murni
dakwahnya kepada Robbi Dzul Jalali.

Junjungan termulia jadi ikutannya
awaskan ALLAH, yang hak kalamnya
dalam perjalanan amatlah pakar
tahqiq segala selok dan belok.

Teliti pada segala kaul
cermat mengambil kata yang sohih
muafakat dengan hukum yang syarak
dasarnya teguh cabangnya rendang.

Teliti lagi amat cermatnya
pada *jama'*, *ta'shil* dan *tafriq*
menerangkan kepada para penuntutnya
hingga sampai kepada yang sebenarnya.

Bualnya pada setiap insan
sesuai dengan ehwal keadaan
setara pula dengan kemampuan
yang dapat si murid mengamalkan.

Bicaranya pada manusia ramai
dengan kalam ahli sufiyyah
demi ALLAH tiada diendah
cerca mereka yang suka menyanggah.

Dari sini saya telah mencapai kefahaman bahawa dalam usaha untuk memurnikan jiwa demi mencapai makarimul akhlak tidak dapat tidak, kita amat memerlukan bimbingan seorang Murobbi, iaitu seorang Syeikh Mursyid. As-Syeikh Sidi Ahmad As-Syarqawi menyatakan dalam kitabnya Misbahul Arwah bahawa pada setiap zaman ALLAH dengan sifat rahmatNya menyediakan Syeikh Mursyid untuk membimbing manusia kepadaNya.

Bab Ketujuh

Apa Erti Mengambil Tareqat

Hj. Ahmad Salim Omar

Sebelum saya menerima *talqin* (mengambil ijazah menjadi murid kepada Syeikh Dr. Mahmoud) saya telah diingatkan oleh beliau supaya terlebih dahulu sembahyang sunnat istikharah untuk memohon petunjuk dari ALLAH Subhanahu wa Taala.

Alhamdulillah, saya bersyukur bukan saja saya malahan isteri-isteri saya dan anak-anak turut sama menjadi murid kepada Syeikh. Seluruh anggota keluarga saya turut menjadi murid Tareqat As-Syaziliyyah. Tidak keterlaluan saya kongsikan di sini bahawa kami sekeluarga telah melihat dan merasa perbezaan yang sangat besar setelah beramal dengan Tareqat As-Syaziliyyah.

Di antara kelainan yang terdapat pada Tareqat As-Syaziliyyah atau mana-mana tareqat sufi (yang dipimpin oleh mursyid yang kamil yang mengamalkan kaifiat sufi), adalah perjuangan melawan nafsu (jihad akbar) menjadi tumpuan utama. Para murid diberi wirid dan hizb harian untuk melatih hati memberi fokus kepada ALLAH. Di samping itu murid juga mengamalkan berselawat sekurang-sekurangnya 3500 selawat sehari untuk menghubungkan jiwa dengan Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.

Dalam Islam iman seseorang itu dianggap tidak sempurna selagi mereka tidak mencintai baginda Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم melebihi cinta kepada keluarga, harta atau diri sendiri. Masyarakat Islam hari ini tidak memberi perhatian yang serius dalam perkara ini kecuali mereka yang terlibat dalam jemaah tareqat. Oleh itu Tareqat As-Syaziliyyah melatih para murid untuk memperbanyakkan amalan selawat, mendendangkan qasidah-qasidah yang memuji Baginda dan membaca maulid Junjungan Nabi Besar Saiyidina wa Maulana Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.

Dalam perkara mentakzimkan al-Quran pula, para murid membaca Al-Quran secara peribadi sebagai jadual harian dan seminggu sekali secara berjemaah bersama ikhwan di zawiyah. Ini dijadualkan agar para murid dapat mengkhatamkan al-Quran berulang-ulang kali.

Berada dalam tareqat bererti kepada ALLAH jualah tempat kami bermohon dan denganNyalah jua kami meminta. KepadaNya kami berdoa, beribadat, bertawakkal, meminta bantuan dan pertolongan. KepadaNya kami menghinakan diri dan kepadaNya jua kami menfakirkan diri. KepadaNya kami khusyu', solat, puasa, haji, infaq, zikir, mengharap, meminta dan bertaubat. Beginilah keadaan kami, kami lari kepada ALLAH.

Berada dalam tareqat di bawah tarbiyyah dan bimbingan Mursyid bererti berjuang menundukkan nafsu agar dapat mentaati perintah ALLAH dan meninggalkan laranganNya sama ada yang zahir atau batin. Disertakan juga *tahqiq* pada zahir dirinya dengan *`ubudiyyah* yang merupakan hina diri, fakir, dhaif dan miskin kepada ALLAH dan tidak memenangkan nafsu.

Pada batin dirinya pula *tahqiq* dengan kebebasan yang merupakan santun, pemurah, jujur, mahabbah, percaya

ALLAH, baik sangka dengan ALLAH dan lain-lain akhlak Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم .

Kami sekeluarga bersyukur kepada ALLAH Azza wa Jalla kerana menemukan kami dengan seorang mursyid yang mengajar dan mendidik kami menuju ALLAH Subhanahu wa Taala. Dahulu saya percaya dengan berjuang membela Islam itu ALLAH pasti membela kita, menyelamatkan kita, mengampunkan segala dosa kita walau pun tiada usaha dalam memurnikan hati dan menundukan nafsu. Saya menyangka apa sahaja kebaikan yang dibuat pasti diterima ALLAH, tanpa memikirkan persoalan apakah kebaikan dan perjuangan itu lahir dari hati yang jujur, ikhlas semata-mata kerana ALLAH Suhanahu wa Taala?

Kini fahamlah saya bahawa kalau hati kita belum murni mana mungkin datangnya ikhlas. Sedangkan ikhlas adalah roh kepada setiap amal, tanpa ikhlas mana mungkin sesuatu amalan itu diterima.

Sebelum mengambil tareqat saya dan keluarga tidak memberi perhatian soal menundukkan nafsu. Malahan dalam kehidupan seharian tidak pernah ada usaha untuk menyanggah kemahuan nafsu. Apa sahaja keinginan nafsu yang terlintas akan dituruti sahaja. Sedangkan ancaman nafsu ini sangat besar lagi bahaya dan kita sangat jahil mengenainya.

Sebagai contoh lagi dahulu saya menyangkakan nafsu amarah itu ialah berbangga dengan kejahatan dan merasa saya sudah bebas dari sifat amarah ini. Sebenarnya nafsu ammarah itu sendiri meliputi selaput tebal, gelap gelita, rendah hina dan kebinatangan. Nafsu ini gemar menyuruh kepada berbuat jahat dan melihat bahawa perbuatan jahat adalah benar. Ia ibarat syaitan berkepala tujuh yang merangkumi sifat-sifat keji :-

Syahwat
Marah
Sombong
Hasad
Loba
Bakhil
Riya'

Masya ALLAH terkedu saya apabila mengetahui tahap nafsu yang paling rendah pun saya belum berjaya mengatasinya. Apatah lagi untuk meningkat ke tahap yang lebih tinggi iaitu nafsu *lawwamah*, *mulhamah*, *mutma'innah*, *radhiah*, *mardhiyyah* dan *kamilah*. Di setiap peringkat ini pula ada cabang-cabangnya. Maka yakinlah saya bahawa hanya melalui bimbingan seorang mursyid kamil yang ada dalam tareqat sufi sahaja yang layak untuk membimbing muridnya melepasi tahap-tahap nafsu ini. Kerana seorang mursyid kamil itu telah berjaya membebaskan rohnya dari cengkaman nafsu.



Silaturrahim dengan Tuan Guru Kompleks Babus Salam Langkat, Sumatera.

Bab Kelapan

Menghubungkan Jiwa dengan Saiyidina wa Maulana Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم

Hj. Ahmad Salim Omar

Latihan menghubungkan jiwa dengan Saiyidina wa Maulana Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم di dalam Tareqat As-Syaziliyah dijalankan melalui aktiviti memperbanyak selawat samada bersendirian atau secara berjemaah, mengkhatam kitab Dalailul Khairat secara berjemaah, membaca kitab Maulid, bacaan qasidah dan Burdah dalam majlis-majlis zikir serta dengan berbagai lagi didikan dari Syeikh.

Saya bersyukur ke hadrat ALLAH kerana melalui majlis-majlis ini kami sekeluarga dapat peluang untuk berzikir kepada ALLAH Subhanahu wa Taala dan dapat melatih diri meningkatkan hubungan jiwa dengan Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Majlis-majlis bacaan qasidah dan Burdah telah menyuburkan jiwa kami.

Perkara ini semua merupakan sesuatu yang baharu

dalam kehidupan kami sekeluarga. Sebelum ini, kami tidak pernah mengamalkannya sama ada secara berseorangan atau berjemaah. Syeikh saya sering memberi pencerahan bahawa menghubungkan jiwa dengan Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم merupakan perkara yang sangat penting untuk melayakkan amalan kita bakal diterima oleh ALLAH Subhanahu wa Taala.

Selanjutnya Syeikh menyatakan bahawa menghubungkan jiwa dengan Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم bererti meningkatkan keimanan kita kepada Baginda supaya kecintaan kita kepada Baginda melebihi cinta kita terhadap keluarga dan harta benda.

Proses menghubungkan jiwa kepada Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم dapat dicapai dengan pelbagai aktiviti sama ada secara berjemaah atau bersendirian seperti memperbanyakkan selawat, membaca qasidah dan maulid dan lain-lain. Di dalam jemaah tareqat di bawah pimpinan mursyid yang kamil perkara ini amat dititik beratkan.

Hari ini terdapat pelbagai usaha dari musuh-musuh Islam dan juga orang Islam sendiri yang cuba untuk memutuskan hubungan umat Islam dengan Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم dengan cara tidak menggalakkan umat Islam untuk mentakzim Saiyidina Rasulullah, tidak menggalakkan banyak berselawat, melarang umat bertawasul kepada Saiyidina Rasulullah, tidak mengamalkan majlis maulid tidak menggalak memuji-muji Saiyidina Rasulullah dan dengan berbagai-bagai lagi cara yang terfikir dan tak terfikir oleh kita. Musuh-musuh Islam tahu umat Islam akan hilang kekuatannya dan akan hancur perpaduannya apabila terputus hubungan dari Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Jadi tidak hairanlah kalau masyarakat umum ramai yang tidak tahu tentang kepentingan berselawat kepada Baginda

Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.

Dalam kitab Faridatul Fara'id pengarangnya Syeikh Wan Ahmad Bin Wan Muhammad Zain Al-Fathoni *-moga ALLAH meredoi beliau dan moga kita mendapat manfaat dari beliau-* mengatakan bahawa beriman kepada Saiyidina Rasulullah adalah kunci kepada rukun iman, Saiyidina Rasulullah adalah penghubung kepada ALLAH dan alam ghaib. Beliau berkata : "*Dunia mati tanpa manusia, manusia mati tanpa roh, roh mati tanpa Saiyidina Rasulullah*".

Sidna Syeikh Al-Kamil As-Syarif Abdun Nasir Al-Hasani *-moga ALLAH meredhoinya dan moga kita mendapat manfaat darinya-* dalam satu muzakarah telah berpesan bahawa berpegang teguh dengan hadrat Junjungan Baginda Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم itulah tali yang menyelamatkan dan siapa saja tidak kira berapa banyak solatnya, berapa banyak zakatnya, berapa banyak puasanya dan berapa banyak hajinya….jika di dalam hatinya tiada cinta kepada Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم maka seluruh amalannya *mardud* terlempar kembali ke mukanya.



Bab Kesembilan

Komitmen Takzim

Rahmat Muhamad

Adab sopan yang selalu kita terlepas pandang ialah adab kita dengan ALLAH Taala dan dengan Saiyidina wa Maulana Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Ia bermula dari soal-soal yang zahir. Itulah yang dilakukan oleh Syeikhku - seperti asuhan yang beliau terima dari Sidna Syeikh Al-Kamil- beliau membetulkan satu persatu adat kebiasaan kami yang tidak baik.

Syeikh ku Dr. Mahmoud MrGlani *-moga ALLAH memelihara dan meneguhkannya-* sangat sensitif tentang persoalan adab sopan seperti adab murid dengan syeikh, adab murid dengan para masyaikh, adab murid sesama murid, adab yang muda dengan yang tua, adab dengan jiran, adab bertamu ke rumah orang dan adab pada segalanya.

Sidna Syeikh Al-Kamil telah mendidik beliau dengan peradaban yang tinggi lalu beliau pun bekerja keras mengasuh kami dengan segala peradaban itu.

Misalnya Syeikh ku menasihati kami pada perkara menyebut dan menulis nama ALLAH Subhanahu wa Taala mengapa perlu disebut atau ditulis "*God*"?! "*God bless you*" ?!. *God* itu siapa? Fulus kamu? Pekerjaan kamu? Majikan kamu? Isteri kamu? Artis kesayangan kamu? Nafsu kamu?...

ALLAH di dalam Al-Quran berfirman berulang kali menyatakan tentang diriNya bahawa :

"Aku adalah ALLAH",

"ALLAH tiada Tuhan melainkan Dia",

"Dialah ALLAH"…

Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم dengan jelas dan terangnya memberitahu kepada kita bahawa ALLAH itu ada 99 Asma'ul Husna dan tidak ada pada himpunan 99 nama itu *god*. Kita tetap juga sebut dan tulis *god, god, god*… kita orang Islam sendiri yang tidak mahu menggunakan nama ALLAH dan sibuk pula dengan *god god god.* Lebih malang lagi apabila agama lain ingin menggunakan asma ALLAH dalam kitab mereka, kita marah pula?!

Satu contoh lagi, lafaz Bismillah kenapa pula hendak disebut sebagai *in the name of God the Compassionate* dan apa segala?! Tak bolehkah disebut elok-elok بِسمِ اللَّهِ الرَّحمَنِ الرَّحِيم ?!

Lagi ku bawakan satu contoh, selawat ke atas Baginda Nabi kita. Kenapa pula hendak disebut sebagai *peace be upon him*?! Tak bolehkah disebut dengan sopan, indah dan manisnya صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم ?! Kenapa segan sangat nak tulis selawat tu elok-elok sampai perlu ditulis SAW atau PBUH?! Lafaz Subhanahu wa Taala kenapa sampai perlu nak ditulis SWT?! Dalam ayat suci mana pulak yang mengajar suruh orang tulis SWT, SAW, PBUH, AS, r.d dan apa segala ini ?!

Kenapa junjungan Nabi kita yang mulia yang ALLAH sebut Baginda sebagai NabiNya hendak disebut atau ditulis sebagai *prophet*?! Cuba periksa dan perhatikan betul-betul di dalam kamus Bahasa Inggeris apa makna perkataan *prophet*. Jikalau begitu maksudnya mengapa rajin sangat mulut hendak menyebut Baginda sebagai *prophet* ?!

Konon hendak menjaga hati bangsa lain supaya mereka faham, maka kenalah diterjemahkan bulat-bulat ke dalam bahasa mereka?! Kita yang satu dunia ini boleh saja belajar

bahasa mereka sampai terkadang terlebih fasih dari mereka… Tidak bolehkah mereka cuba belajar memahami sepatah dua perkataan agama kita ?!

Ketidak tahuan adab sopan ini telah merebak baik di kalangan orang berbaju kasual dan bertali leher sampailah kepada yang berjubah dan berjanggut. Mengapa kikir sangat apabila hendak menyebut nama junjungan Nabi kita صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم dan para sahabatnya tidak didahului dengan lafaz Saiyidina yang mengandungi erti penghormatan dan takzim? Betapa manisnya kalau kita menyebut Saiyidina Muhammad Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم, Saiyidina Abu Bakar As-Siddiq رضي الله عنه, Saiyidina Ali رضي الله عنه … Apakah bila kita hendak membahasakan kedua orang tua kita menyebut nama semata-mata tanpa menyebut mereka sebagai ayah dan ibu ?

Yang konon lulusan agama membantah pula menuntut mana dalilnya lafaz Saiyidina. Amboi... dalam bab ini pandai betul dia minta dalil apa segala… bila hendak membahasakan majikan dan tokoh-tokoh panutannya tahu pulak dia mentakzim dengan menyebut Syeikhul Islam Ibnu Fulan, As-Syeikh Al-`Allamah Ad-Da`iyah Fulan, Sohibus Samahah Qadhi Fulan, Yang Berbahagia Tuan Guru Fulan, Yang Amat Berhormat Dato, Tan Seri, Tun, *His Excellency*, *Your Highness*, Professor Emeritus Fulan… dan dia sendiri jika tidak disebut orang sebagai Al-Fadhil Al-Ustaz akan tarik muka masam. Tapi bila hendak menyebut nama Junjungan Nabi kita… dikira sama saja macam mamat-mamat lain di kampungnya. Kurang ajar betul. Syeikh ku amat panas hati dengan semua kebiadaban ini.

Mentakzim Junjungan Agung Saiyidina wa Maulana Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم adalah makna yang aku saksikan pada gerak dan diam, pada kata dan tingkah laku, pada

tulisan dan bicara; pada hidup Sidna Syeikh Al-Kamil Abdun Nasir dan itu jualah yang ku lihat tumpah mengalir ke dalam diri muridnya Syeikh ku Dr. Mahmoud *-moga ALLAH redho pada mereka berdua-*. Ini mengingatkan diriku pada pesanan para salaf yang mulia, contohnya dalam kitab As-Syifa' Bita'rifi Huquqil Musthofa pengarangnya Al-Imam Al-Qadhi `Iyadh Bin Musa Al-Maliki *-moga ALLAH merahmatinya-* seorang ulama besar dalam mazhab Maliki berkata :

"...Ketahuilah, sesungguhnya sikap pengormatan terhadap junjungan Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم *sesudah kewafatan Baginda, begitu juga dengan sikap memulia dan mentakzim Baginda merupakan komitmen yang mesti dilakukan sepertimana berlakunya ketika hayat Baginda* صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم*. Sikap pentakziman ini harus dizahirkan ketika nama Baginda disebut, ketika hadis diucapkan, ketika sunnah dibicarakan, ketika nama Baginda didengar, ketika sirahnya diriwayatkan, ketika berinteraksi dengan keluarga dan keturunan Baginda, begitu juga ketika mentakzim para Ahlil Bait dan sahabatnya.*

Sidi Abu Ibrahim At-Tajibi رَضِيَ اللهُ عَنهُ *berkata:*

"Wajiblah bagi setiap peribadi mukmin setiap kali menyebut atau disebut kepadanya tentang junjungan Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم *untuk merendahkan hati, khusyuk, mensopankan keadaan diri dan berhenti dari pergerakan anggota. Hendaklah dia apabila menyebut atau disebut kepadanya tentang junjungan Baginda* صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم *merasai kehebatan dan kebesarannya dengan sekira-kira itulah yang akan dirasai kalau dia mengadap junjungan Baginda* صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم*. Lagi hendaklah seorang mukmin itu beradab kepada Baginda* صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم *sepertimana adab yang dituntut ALLAH Subhanahu wa Taala dalam berinteraksi dengan NabiNya.*

Al-Qadhi Abul Fadhl رَحِمَهُ اللهُ تَعَالَى *memberi komentar kenyataan tadi dengan katanya:*

"Seperti itulah sikap salafus soleh para pendahulu kita dan imam-imam agama kita di zaman-zaman terdahulu رَضِيَ اللهُ عَنهُم أَجمَعِينَ*".*

...Adapun Al-Imam Malik رضي الله عنه *apabila disebutkan tentang junjungan Nabi* صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم *kepadanya maka akan pucatlah beliau dan membongkok badannya. Halnya itu menyebabkan para muridnya merasa simpati dan serba salah. Satu hari beliau ditanya tentang halnya itu lalu menjawab:*

"Aku tidak melihat ada kewajarannya kritikanmu terhadap halku itu. Sesungguhnya aku telah melihat Sidi Muhammad Bin Al-Munkadir yang merupakan penghulu para qari' Al-Quran, tidaklah kami menanyakannya tentang suatu hadis melainkan beliau menangis sampai kami jatuh kasihan padanya. Dan sesungguhnya aku telah melihat Al-Imam Jaafar As-Sodiq yang beliau itu suka bergurau dan banyak tersenyum, namun jika disebutkan kepadanya junjungan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم *jadi pucat lesilah wajahnya...."*

Dalam satu muzakarahnya Sidna Syeikh Al-Kamil menekankan kepada kami betapa pentingnya takzim dan menjaga kehormatan Baginda Nabi kita صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم kemudian beliau menegaskan agar :

"...Janganlah kita ini ghurur. Jangan ingat bila kita merayakan Baginda Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم itu ertinya kita menambah kemuliaan Baginda. Sidnan Nabi tak perlu kepada siapa pun. Sabda Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم :

أَغنَانِي رَبِّي بِصَلَاتِهِ عَلَيَّ

"Tuhanku telah mengkayakan aku (dari selainNya) dengan selawatNya ke atasku".

Baginda tak perlu pun kamu berselawat ke atasnya. Apabila kamu berselawat ke atas Baginda kamu yang beruntung… kamu yang beruntung. Dan selawat itu pula bukannya dari kamu. Selawat itu kamu minta kepada ALLAH untuk berselawat ke atas Baginda. Tiada yang dapat berselawat ke atas Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم melainkan Robbi. Bila kamu nak berselawat bukankah kamu ucapkan :

Allahumma…

Ya Robbi… (Wahai Tuhan…)

Sollallahu… (ALLAH berselawat…)

Ertinya kamu semata-mata meminta kepada ALLAH Subhanahu wa Taala.

Hanya sanya apabila dua bibirmu bergerak-gerak menyebut nama Baginda yang mulia صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم dan apabila berselawat itu dengan hadir jiwamu akan terbit cahaya dari hati Baginda kepada hatimu lalu hatimu beroleh pencerahan. Kerana hati yang baik itu ibarat bejana yang baik yang dapat menampung limpahan dari hadrat Baginda Al-Musthafa صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم …dengan itu zat dirimu jadi senang hati… rehat … tenang…

أَلَا بِذِكرِ اللهِ تَطمَئِنُّ القُلُوبُ

"Sanya dengan zikir mengingat ALLAH hati menjadi tenang"

إِنَّ فِي الـجَسَدِ مُضغَةٌ إِذَا صَلَحَت صَلَحَ الـجَسَدُ كُلُّهُ…

"Sesungguhnya di dalam jasad manusia itu ada seketul daging (hati) jika ia baik maka seluruh anggota badan akan jadi baik…"

dan "seketul daging" ini apa yang nak membaikkannya? Demi ALLAH tak dapat nak membaikkannya melainkan

Sidnan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.

Tak kiralah berapa banyak kamu solat, haji, puasa… tapi jika kamu tiada takzim kepada Sidnan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم maka solat kamu kembali kepada kamu, puasa kamu kembali kepada kamu, bacaan Quran kamu kembali kepada kamu

رُبَّ مُصَلٍّ لَيسَ لَهُ مِن صَلَاتِهِ إِلَّا الطُّلُوعُ وَالْـهُبُوطُ

"Boleh jadi orang yang solat itu tidak mendapat apa-apa dari solatnya melainkan turun dan naik badannya"

رُبَّ قَائِمٍ لَيسَ لَهُ مِن قِيَامِهِ إِلَّا السَّهَر

"Boleh jadi orang yang qiyam itu tidak mendapat apa-apa dari qiyamnya melainkan berjaga malam"

رُبَّ صَائِمٍ لَيسَ لَهُ مِن صِيَامِهِ إِلَّا الْـجُوعُ وَالعَطَشُ

"Boleh jadi orang yang berpuasa itu tidak mendapat apa-apa dari puasanya melainkan lapar dan dahaga".

رُبَّ قَارِئٍ لِلقُرآنِ وَالقُرآنُ يَلعَنُهُ

"Boleh jadi orang yang membaca Al-Quran itu dilaknat kembali oleh Al-Quran".

Kenapa? Kerana tiada roh pada amalan. Amalan itu wajib ada rohnya. Ibarat badan… badan ini untuk ia hidup maka mestilah ada di dalamnya rahsia nyawa. Maka itulah amalan apabila ia tidak bercampur dengan mahabbah kepada Baginda Sidnan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم jadilah ia amalan yang

mardud kepada tuannya.

Sewajibnya suatu amalan itu ada keelokan dan kesegaran dalamannya. Kesegaran itu datang dari mana ? Datang dari cinta kepada Sidnan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Dengan segala amal ibadat itu makin bertambah-tambahlah cintanya. Tapi jika tidak… itu terserahlah kepada ALLAH.

Semoga ALLAH memuliakan kita -Insya ALLAH- dengan *jaah* (tuah) Sidnan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم".



Disambut anak-anak santri Pesantren Darul Ishlah, Jakarta Selatan.

Bab Kesepuluh

Erti Kebaikan

Hj Ahmad Salim Omar

Semua orang ingin kebaikan tetapi tidak ramai yang faham apakah itu kebaikan yang sebenarnya, termasuklah saya. Sebelum ini kefahaman saya mengenai kebaikan ialah apa sahaja yang boleh memberi manfaat kepada diri dan orang lain.

Apa sahaja usaha yang memberi faedah kebaikan di dunia dianggap satu kebaikan tanpa mengira adakah kebaikan itu diterima ALLAH untuk mendapat ganjaran di akhirat. Sebagai seorang Muslim kita bukan sahaja ingin kebaikan di dunia tetapi kita ingin kebaikan di akhirat hasil kebaikan di dunia yang diterima ALLAH.

Untuk melayakkan kita melakukan kebaikan yang diterima ALLAH kita terlebih dahulu mesti menjadi baik di sisi ALLAH. Sebelum ini saya terlepas pandang persoalan ini. Ini persoalan besar yang tidak diberi perhatian oleh kebanyakan manusia.

Bersyukur saya ditemukan ALLAH dengan seorang mursyid yang telah membuka minda saya untuk memahami Jalan Tareqat. Menjadi hamba yang baik di sisi ALLAH ialah tujuan hidup manusia yang sebenarnya. Selama ini saya faham tujuan manusia diciptakan ALLAH ialah untuk beribadah kepadaNya. Sepertimana ayat Al-Quran surah Az-Zariyat ayat 56 : *"Tidak Aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadah kepadaKu."* Untuk ibadah kita

diterima ALLAH, kita mesti terlebih dahulu kenal dan cinta ALLAH.

Tidak mungkin kita boleh kenal ALLAH dan cinta ALLAH kalau hati kita belum murni dan roh kita belum bebas daripada pengaruh nafsu. Menjadi manusia baik ertinya mensuci dan memurnikan hati kita supaya roh kita bebas daripada pengaruh nafsu. Inilah tujuan sebenar kita supaya apa sahaja yang kita lakukan dengan tujuan untuk mencari redho ALLAH benar-benar murni iaitu dilakukan semata-mata kerana ALLAH.

Kita takkan dapat melakukan kebaikan jika kita tidak terlebih dahulu merasakan kebaikan, tenang, lapang, ceria dan gembira. *You cannot do good unless you feel good*. Mengurus hati supaya hati menjadi lebih baik, suci, tenang, murni dan positif merupakan satu perjuangan (Jihad Akbar) dalam kehidupan harian setiap Muslim. Malangnya kini ramai yang tidak mampu melakukannya.

Manusia zaman ini lebih ramai yang memberi tumpuan kepada apa yang ingin dimiliki bukan siapa yang dia hendak jadi. Siapa kita bukan ditentukan oleh sebanyak mana wang dan harta kita atau sebesar mana rumah kita, atau perniagaan kita, atau setinggi mana pangkat kita, atau sehebat mana kebolehan kita. Siapa kita di sisi ALLAH Subhanahu wa Taala ditentukan oleh kemurnian, kesucian, ketenangan dan keikhlasan hati kita.

Hari ini persoalan ini tidak lagi menarik perhatian orang ramai kerana mereka lebih mengutamakan pandangan orang daripada pandangan ALLAH. Lantaran itu perjuangan untuk mensucikan hati tidak mendapat tempat di hati mereka. Sedangkan memiliki hati yang suci, murni, tenang dan ikhlas adalah matlamat hidup, kunci kejayaan dunia dan akhirat. Inilah bukti manusia hari ini kebanyakannya sudah tergoda

dengan dunia dan tertipu dengan nafsu dan syaitan.

Apakah erti memiliki hati yang berkualiti, hati yang suci, murni dan hati yang positif ? Hati adalah satu-satunya alat untuk mengenal ALLAH Subhanahu wa Taala. Hati yang berkualiti adalah hati yang suci, murni yang kenal dan mencintai ALLAH Subhanahu wa Taala. Lihat apa kata Imam Al-Ghazali -*moga ALLAH meredhoinya*- tentang hati:

"Sesungguhnya manusia yang ingin menyediakan dirinya bagi makrifah adalah dengan hatinya dan bukannya dengan sebarang anggota badannya yang lain. Maka hatilah yang mengetahui ALLAH, mendekatiNya dan bekerja keranaNya. Hatilah yang menuju kepada ALLAH dan sesungguhnya anggota badan itu adalah pengikut, pelayan serta alat yang dipergunakan oleh hati. Hatilah yang diterima ALLAH apabila ia selamat sejahtera dari selain ALLAH.

Hati itu terdinding dari ALLAH apabila ia tenggelam dengan selain ALLAH. Hatilah yang mencari dan hatilah yang berbicara. Hatilah yang berbahagia dengan dekat kepada ALLAH. Hatilah yang taat setia kepada ALLAH dan ibadah-ibadah yang berkembang pada anggota badan dan setiap sifat kekejian itu adalah lahir dari hatinya.

Dengan gemerlap dan bersinarnya hati maka lahirlah kebaikan zahiriah dan dengan gelapnya hati maka lahirlah setiap kejahatan. Hatilah yang apabila manusia telah mengenaliNya maka dia akan kenal dirinya, maka dia telah mengenal akan TuhanNya."

Bab Kesebelas

Membuka Zawiyah

Rahmat Muhamad

Sidna Syeikh Al-Kamil pernah bercerita kepada kami satu kisah masa mudanya dahulu waktu nenda dan juga Syeikhnya Sidna Abdur Rahman Al-Hasani As-Syazili masih hidup *-moga ALLAH meredhoinya dan mencapaikan keredhoan buatnya-*. Cerita Sidna Syeikh pernah seorang teman zaman persekolahan dengan wajah yang berserabut datang menemuinya.

Sesudah bertegur sapa si teman bercerita kepada Sidna Syeikh tentang kompilasi masalah keluarga, ekonomi dan berbagai-bagai lagi yang membuat hidupnya jadi amat tertekan. Sidna rasa simpati lalu mengajak temannya bertemu nenda beliau. Malam itu mereka datang dan As-Syeikh Sidna Abdur Rahman Al-Hasani menyambut baik tetamunya itu.

Setelah mengadukan segala masalah yang menghimpitnya Sidna Abdur Rahman bertanya kepada si tamu: "Anakku, kamu kerja apa?", "Manager bank" jawab si tamu. Sidna Abdur Rahman pun bicara kepadanya bahawa pekerjaannya di bank itu ertinya dia bergelumang dengan riba yang diperangi oleh ALLAH dan RasulNya صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم seterusnya menggambarkan bahawa halnya dengan pekerjaan riba ini ibarat dia sedang lemas dalam sebuah kolam darah lalu menasihati si tamu untuk berhenti dari jawatannya sekarang dan mencari pekerjaan lain.

Nasihat itu dituruti oleh teman Sidna. Dia pun meletak

jawatan dan lama sesudah itu dia datang lagi dan kali ini dengan wajah gembira. Si teman memberitahu Sidna Syeikh bahawa seminggu selepas dia berhenti kerja dari bank syarikat petroleum negara menyiarkan iklan tawaran kerja di surat khabar kepada calon yang dapat memenuhi prasyarat serta kriteria tertentu, setelah meneliti dia mendapati semua syarat dan kriteria yang diperlukan itu ada pada dirinya. Dia segera menghantar permohonan dan… diterima bekerja!

Si teman datang lagi kali ini untuk menyampaikan terima kasih dan syukur bahawa sekarang ALLAH Taala telah memuliakannya, segala masalah yang menghimpitnya dahulu terlerai dan kini dia sekeluarga dapat hidup dengan baik.

Sidna Syeikh Al-Kamil menasihati kami: "…Seluruh muka bumi sekarang telah diliputi riba. Bangsa Yahudi amat maju dalam bidang ilmu dan teknologi moden. Mereka menyusupkan budaya riba dalam kehidupan kaum Muslimin dengan cara-cara saintifik yang amat halus. Sekarang sudah sampai ke tahap di mana ada kalangan ulama-ulama Muslimin sendiri yang berfatwa menghalalkan orang Islam makan riba dengan pelbagai jalan yang bersimpang siur.

Riba itu jika sudah masuk ke dalam diri manusia ia ibarat kanser. Kalau nak diumpamakan daerah iman dalam diri manusia ia ibarat kumpulan sel yang bercantum. Kanser juga asalnya satu sel yang menyelinap masuk ke dalam badan. Apabila kanser masuk ke dalam cantuman sel-sel iman ini…ia akan memakannya sedikit demi sedikit. Begitulah ibaratnya apabila kanser riba masuk ke dalam daerah iman dalam diri manusia maka akan hilanglah imannya."

Syeikh ku Dr. Mahmoud berulang kali mengkuliahkan kepada kami dan kepada orang lain tentang bahaya riba

serta kewajiban menjauhinya. Zawiyah yang dibukanya di Shah Alam beliau beli dengan wang peribadinya dan dibayar dengan tunai agar tidak terlibat dengan pinjaman bank kemudian beliau namakan zawiyah itu dengan nama Sidna Syeikhnya.

Kata Syeikh ku soal riba ini sama sekali bukan main-main. Dalam riwayat hadis junjungan mulia Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ وَسَلَّم telah tercatat sabda Baginda:

يَا سَعدُ أَطِب مَطعَمَكَ تَكُن مُستَجَابَ الدَّعوَةِ وَالَّذِي نَفسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ إِنَّ العَبدَ لَيَقذِفُ اللُّقمَةَ الـحَرَامَ فِي جَوفِهِ وَمَا يُتَقَبَّل مِنهُ عَمَلُ أَربَعِينَ يومًا وَأَيُّمَا عَبدٌ نَبَتَ لَـحمُهُ مِنَ السُّحتِ وَالرِّبَا فَالنَّارُ أَولَى بِهِ.

"Wahai Saad, baikkanlah makananmu nescaya engkau mustajab doa. Demi Tuhan yang Muhammad berada dalam genggamanNya sesungguhnya seorang hamba menyuap makanan haram ke perutnya lalu amalannya tidak diterima selama empat puluh hari. Mana-mana hamba Allah yang tumbuh dagingnya dari asal haram dan riba nescaya api nerakalah yang terlebih layak baginya."

Bagi Syeikh ku zawiyah juga rumah ALLAH sama seperti masjid. Sebuah masjid jika dibangun dan diurus dengan dana atau derma yang tidak ketahuan entah dari mana sumbernya apakah halal, syubhat atau haram, apakah dari wang loteri atau sumbangan dari syarikat yang berjual beli arak, apakah hak orang teraniaya dan anak yatim atau faedah

riba… Insan yang sudah kapok dihimpit hiruk-pikuk dunia datang ke masjid untuk mencari ketenangan tapi masjid kalau begini halnya ketenangan apa yang dapat diberikan?! Insan malang itu tak ketemu di dalamnya melainkan hiasan dunia, lakonan, jahat adab, perebutan kuasa, kafir-mengkafir, pulau-memulau dan kata-mengata. Rumah ALLAH tidak boleh begini halnya.

Syeikh ku berpendirian tegas bahawa zawiyahnya tidak boleh makan wang zakat dan sedekah kerana keduanya merupakan hak asnaf yang sudah ditentukan syarak. Zawiyah harus dibangun dan diurus dengan harta yang halal lagi baik dari titik peluh Syeikhnya dan para *muridin*nya yang setia. Jika tidak begitu nescaya zawiyah tak dapat berperanan sebagai pemancar hidayah.

Kerana itu Syeikh ku amat teguh memegang disiplin di zawiyahnya. Kepada kami beliau mengasuhkan agar adab



Zawiyah Pertama Syeikh ku di Batu Pahat, Johor.

sopan zawiyah dijaga dengan sebaiknya supaya ia benar-benar menjadi rumah ALLAH tempat berhimpun orang-orang soleh dan ahli zikir. Di sebuah zawiyah sejati insan yang masuk ke dalamnya akan merasai keteduhan Islam, Iman, Ihsan dan disirami kedamaian rohani. Di sebuah zawiyah sejati zikir mengingat ALLAH sentiasa makmur dan syiar-syiar ALLAH diagungkan. Di sebuah zawiyah sejati ada nur, ilmu, tarbiyyah, akhlak, adab dan kemanisan Iman.

Itu semua dan banyak lagi adalah didikan Sidna Syeikh Al-Kamil yang beliau terima dari Syeikhnya sambung menyambung hinggalah kepada nendanya Saiyidina wa Maulana Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم lalu beliau asuhkan kepada Syeikh ku dan Syeikh ku mengasuhkannya pula kepada kami para muridnya dalam Tareqat As-Syaziliyyah *-moga ALLAH meredhoi mereka dan meninggikan darjat mereka disisiNya,* amin-.



Bait Sydna Syeikh Abdun Nasir Al-Hasani (zawiyah Syeikh ku sekarang) di Shah Alam, Selangor.

Bab Keduabelas

Mencari Yang Halal Di Akhir Zaman

Rahmat Muhamad

Bertempat di kediaman Dato Nazim di pusat bandar Kuala Lumpur pada tarikh 2 Rejab 1432H / 4 Jun 2011 Sidna Syeikh Al-Kamil As-Syarif Abdun Nasir Al-Hasani As-Syazili *-moga ALLAH meredhoinya dan mencapaikan keredhoan buatnya-* telah diundang oleh tuan rumah untuk bersilaturrahim dengan keluarga dan rakan-rakannya dari Persatuan Pengguna Islam Malaysia. Dalam kesempatan itu tuan rumah mempersilakan Sidna Syeikh Al-Kamil untuk menyampaikan muzakarah dan kata nasihat kepada mereka. Di sini sukalah aku nak kongsikan dengan sidang pembaca budiman sebahagian dari transkripsi muzakarah tersebut. Kata beliau :

"Segala puji bagi ALLAH yang telah memberi kurnia kepada kita nikmat Islam yang mana nikmat ini adalah bergantung kepada sahsiah Baginda Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم dan ini semuanya jelas terlihat oleh kita melalui apa yang disyariatkan kepada kita oleh Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم dari segala perkataan, perbuatan dan apa yang disetujui oleh Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.

Antara hadis yang telah disabdakan oleh Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم mengenai perkara halal haram adalah:

لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى يَقِلَّ الدِّرهَمُ الـحَلَالِ.

"Kiamat takkan berlaku sehinggalah dirham (duit) halal menjadi kurang".

…ia sebahagian dari petanda kiamat. Tapi marilah kami berikan penjelasannya dari sisi zahir melihatkan kepada kemerosotan hal kaum Muslimin sekarang ... dalam soal keperluan dunia mereka, makan minumnya datang dari barat.

Para cerdik pandai barat dan kaum cendikiawannya telah telah menjalankan kajian amat teliti terhadap agama Islam hatta mereka menghafaz teks-teks Islam… contohnya mereka mengkaji teks ini :

مَن أَكَلَ الـحَلَالَ أَطَاعَ اللهَ شَاءَ أَم أَبَى
وَمَن أَكَلَ الـحَرَامَ عَصَى اللهَ شَاءَ أَم أَبَى.

"Barangsiapa makan halal dia akan mentaati ALLAH tidak kira dia suka atau tidak dan barangsiapa makan haram dia akan menderhakai ALLAH tidak kira dia suka atau tidak."

Para cendikiawan barat mengkaji teks ini lalu tahu bahawa mereka boleh menguasai orang Islam melalui makan dan minum. Jadi sekarang segala makanan dan minuman yang ada (di pasaran) jika kita betul-betul menjalankan analisa saintifik ke atasnya nescaya kita kan mendapati ada bahan haram di dalamnya. Ini semua apa puncanya? Puncanya kerana kaum Muslimin mundur.

Sekarang pemikiran orang Islam tentang Al-Quran dan Sunnah tertumpu kepada soal-soal yang remeh-temeh… tentang orang laki-laki kena mensintingkan jubah,

memanjangkan janggut… kayu siwak sejengkal… yang ini agama Islamnya sedangkan makan dan minumnya semua terlibat haram. Jadi mana Islamnya kita ini ?! Siapakah faktornya yang sampai umat Islam jadi mundur begini?

Memanglah (dalam soal makan minum ini) kita kena berhati-hati terhadap apa yang datang dari barat tapi dalam masa yang sama wajiblah bagi kita umat Islam untuk melakukan gerak kerja… wajib bagi kita memproduksi sendiri bahan makanan kita. Menjadi kewajiban kita untuk memikirkan dengan saksama bagaimana dapat kita memproduksi dan kita sendiri yang memproduksinya. Bagaimana melakukan satu kebangkitan produksi dan ekonomi supaya kita dapat keluar dari dilema haram.

Ini dapat berlaku dengan kerjasama kaum Muslimin yang bersatu padu. Malaysia bekerjasama dengan Indonesia dan negara-negara lain contohnya … katalah walau usaha yang dilakukan itu sedikit tapi ALLAH berfirman :

كَم مِن فِئَةٍ قَلِيلَةٍ غَلَبَت فِئَةً كَثِيرَةً بِإذنِ اللهِ

"Berapa banyak kumpulan yang sedikit dapat mengalahkan kumpulan yang banyak dengan izin ALLAH."

Apa yang Sidna Syeikh Al-Kamil katakan mengenai halal haram ini tidak hanya ku dengar dari kata-kata beliau bahkan ku lihat jelas dalam tindakannya dan ku alami sendiri dalam hidupku dengan muridnya Syeikh ku Dr. Mahmoud MrGlani. Contohnya tentang makan minum Syeikh ku mendidik kami para muridnya dalam Tareqat As-Syaziliyyah untuk mengelak dari yang syubhat serta menjauhi yang haram. Beliau mengingatkan kami untuk tidak membeli ayam yang sudah siap dipotong di kedai, sebaliknya mengajar kami

secara praktikal bagaimana sembelihan yang betul menurut syarak dimana lidah ayam perlu dikeluarkan dari paruhnya kemudian barulah disembelih. Ini kerana jika ayam menelan lidahnya waktu sembelihan dijalankan akan menyebabkan sama ada urat marih atau urat halkumnya yang wajib putus tersembunyi (dan kita tidak perasan) maka sembelihan jadi tidak sah dan ayam menjadi bangkai.

Ini belum termasuk tidak pastinya kita apakah daging ayam di kedai dan pasar itu disembelih oleh orang Islam, atau apakah ia mati sebenarnya kerana renjatan eletrik seperti proses penyembelihan di kilang-kilang besar atau matinya itu kerana sebelum ia benar-benar mati disembelih sudah dicampak ke kawah rebusan dan berbagai lagi tanda tanya dalam bab ini. Untuk mengelak ketidak pastian seperti itulah kami para murid akan pergi ke tempat penyembelihan dan menyembelih sendiri ayam yang kami mahu.

Syeikh ku juga sama sekali tak senang hati jika ada muridnya yang menganggur atau makan sedekah sedangkan dia mampu bekerja. Syeikh ku akan mendesak muridnya itu mencari pekerjaan yang halal atau beliau sendiri mengusahakan agar si murid beroleh pekerjaan sama ada menjadi petani atau pemandu teksi atau apa saja yang halal dan Syeikh ku akan mengikuti perkembangan si murid bagi memastikan dia komitmen dengan kerjanya.

Syeikh ku mengajar kami para muridnya untuk berhemah tinggi dan memantangkan bagi kami dari mengambil kesempatan atau makar menipu daya baik sesama kami mahu pun dengan orang lain. Beliau sendirilah yang menjadi tauladan kami; sudah entah berapa kali muridnya atau orang yang sayang kepadanya mahu membelikan tiket penerbangannya yang tiap tahun berulang kali dari tanah airnya ke negara kita tapi ditolak dengan hormat dan tegas

oleh beliau. Aku yang menjadi khadamnya ini entah berapa kali pula dimarahi beliau sebab menerima pemberian orang (dengan sukarela atau terpaksa) kerana sebagai orang yang paling dekat secara fizikal sepatutnya akulah yang paling perlu mencontohi beliau.

Untuk diri serta keluarganya Syeikh ku tak pernah mahu menerima zakat atau sedekah (kerana beliau berketurunan Ahlul Bait) dan untuk zawiyahnya begitu juga. Syeikh ku hanya sudi menerima hadiah dari orang yang mengasihinya dan beliau suka pula memberi hadiah kepada orang lain. Sudah berbelas-belas judul buku dan kitab dicetak dengan belanja peribadinya lalu dihadiahkan kepada murid-muridnya, kepada mereka yang datang bertamu kepadanya, kepada jemaah masjid dan surau yang menjemputnya menyampaikan kuliah, juga kepada warga pusat-pusat pengajian tradisional yang diziarahi beliau di Kedah, Kelantan dan merata tempat lagi.

Jika menyampaikan kuliah di masjid, surau dan madrasah pondok Syeikh ku takkan mahu menerima bayaran atau saguhati, jika pihak masjid mendesak beliau untuk menerima beliau akan marah dan mengancam takkan menerima lagi undangan mereka di masa mendatang. Bagi Syeikh ku masjid dan surau adalah rumah ALLAH dan beliau gembira untuk mengkhidmatinya. Teringat aku waktu beliau mengunjungi Sabah lalu dijemput menyampaikan kuliah di beberapa masjid dan surau sekitar Keningau dan Kota Kinabalu. Ahli jawatankuasa masjid dan surau yang menjemput Syeikh ku masing-masing terharu dan mengucap tasbih dengan keengganan beliau itu hingga ada yang berkata : “Tak pernah saya lihat ada ustaz atau syeikh datang menyampaikan kuliah tapi tak mahu terima bayaran.”

Pada tindakan dan muamalat Syeikh ku aku melihat

peribadi Sidna Syeikh Al-Kamil As-Syarif Abdun Nasir Al-Hasani As-Syazili *-moga ALLAH meredhoiny*a- yang menegaskan bahawa prasyarat pertama untuk menempuh perjalanan istiqamah dalam tujuanmu kepada ALLAH Subhanahu wa Taala adalah makan halal.

ALLAH Subhanahu wa Taala berfirman dalam Al-QuranNya yang agung:

يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِـحًا

"Wahai para Rasul, hendaklah kamu makan dari yang baik-baik dan hendaklah kamu mengerjakan amal soleh" Al-Mukminun: 51

Lagi firman ALLAH Taala:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ

"Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu makan yang baik-baik dari kurniaan rezeki Kami kepadamu" Saiyidina Thoha: 81

Dalam satu kisah yang dituturkan oleh Saiyidina wa Maulana Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم tersebut perihal seorang lelaki yang jauh permusafiran hingga kusut-masai dan berdebu keadaannya, dia menadah tangan ke langit seraya menyeru: "Ya Robbi! Ya Robbi!", sedangkan makanannya dari yang haram, minumannya dari yang haram, perutnya diisi dengan yang haram… lalu bagaimana akan mustajab doanya?!

Sidna Syeikh Al-Kamil selanjutnya mengujar : "Hati itu sifatnya akan terang bercahaya jika makan yang halal walaupun dengan amalan zikir yang sedikit. Adapun jika makan haram hati takkan bercahaya walaupun banyak zikir



mengingat ALLAH".

Memanglah di zaman sekarang antara cabaran paling besar ialah mencari yang benar-benar halal untuk dimakan akibat dari berluas-luasanya penipuan dalam pelbagai aspek, makin sedikit atau hilang rasa takut kepada ALLAH serta hilang norma dan adab. Betapa seriusnya isu ini hingga disindir orang: Zaman sekarang jika mencari yang benar halalnya di hotel, restoren atau pasar akan menyebabkan kamu mati kelaparan!.

Bersiaran secara langsung di radio IKIM.fm



Bab Ketigabelas

Nenek Moyang Kita Orang Melayu

Rahmat Muhamad

Pada tahun 1898M kerajaan Russia telah menghantar seorang pegawai tenteranya yang beragama Islam Kapten Abdul Aziz Daulatsyin menunaikan fardhu haji. Ketika sampai di kota Makkah Al-Musyarrafah pada bulan April tahun itu Abdul Aziz menulis dalam catatan hariannya :

"*Orang Melayu atau "Jawah" seperti nama yang dipanggil kepada mereka di sini merupakan satu pertiga atau satu perempat penduduk tetap di Makkah. Tiga hingga empat ribu orang dari mereka adalah pelajar. Ciri istimewa mereka ialah cenderung untuk bermuafakat, amat suka perdamaian dan bersungguh-sungguh. Pekerjaan mereka berniaga…*

"Mereka semua bermazhab Syafie. Mereka telah datang ke Makkah sejak dua puluh tahun yang lampau namun bilangan mereka setiap tahun bertambah ramai. Pada tahun ini jemaah haji mereka hampir lima belas ribu orang… Mereka merupakan satu bangsa yang amat beradab, tenang dan cintakan ilmu pengetahuan…". Demikian lapornya.

Sebenarnya komuniti Melayu sudah bermukim di Makkah lebih awal dari tarikh yang disebut dalam laporan tadi. Ini dapat dikesan melalui tulisan Raja Ali Haji

pengarang kitab Tuhfat An-Nafis dari Pulau Penyengat, Riau yang bersama ayahndanya Raja Ahmad Engku Haji Tua dan rombongan mereka telah menunaikan rukun Islam yang kelima pada tahun 1234H/1827M. Mereka berziarah kepada Saiyidina Wa Maulana Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم dan tinggal di kota Madinah Al-Munawwarah selama kira-kira sebelas hari, setelah Raja Ahmad membeli sebidang kebun yang diwakafkannya kepada anak cucu Syeikh Samman mereka kembali ke kota Makkah dan beliau membeli dua buah rumah di situ lalu diwakafkannya sebelum bermula manasik haji. Apabila sudah selesai pekerjaan hajinya beliau membeli pula sebidang tanah di Mina dan di situ dibuatkan rumah wakaf lagi.

Apa yang dicatat oleh Abdul Aziz Daulatsyin tentang budi pekerti orang Melayu dari observasinya di Tanah Suci memang satu maklumat yang akurat pada zaman dahulu. Ulama dunia Melayu yang kesohor di Makkah pada kurun ke 19 Syeikh Wan Ahmad Bin Wan Muhammad Zain Al-Fathani menulis dalam Bahasa Arab di catatan tepi kitabnya Tashil Nailil Amani :

"*Orang Melayu itu satu kaum yang ikhlas hati, bertabiat lemah lembut dan berperibadi sopan. Sebahagian dari ciri khusus mereka ialah tidak kedapatan di negeri-negeri mereka dan di tempat lain seorang Melayu pengemis walau betapa fakir sekali pun. Mereka punya kecermatan yang baik dalam segala perkara dan menguasai perbaikan pertukangan. Mereka punya potensi untuk mencipta pemodenan teknologi, menuntut pendidikan dan ilmu pengetahuan serta kecerdasan faham padanya. Di zaman dahulu bangsa Melayu punya kerajaan-kerajaan besar yang berdaulat kemudian negeri-negeri kuffar datang menjajah mereka. Moga ALLAH memelihara negeri-negeri Muslimin dari kaum kuffar*".

Itulah nenek moyang kita orang Melayu di zaman dahulu.

Syeikh ku pernah menceritakan kenangan beliau zaman kanak-kanaknya di kota Madinah Al-Munawwarah. Waktu itu si Mahmoud kecil berkerja sebagai jurujual. Datang seorang jemaah haji Melayu ke kedainya mahu membeli seutas jam tangan. Pak haji Melayu bertanya : "Berapa harganya?" Jawab Mahmoud kecil seratus riyal. Pak haji membayar wang seratus riyal kemudian bertanya lagi : "Halal?", maka kata si kecil : "Haram!". Air muka pak haji Melayu berubah pucat, dia bergegas pergi sambil meninggalkan wang seratus riyal serta jam tangan yang sudah dibelinya tadi lalu si kecil mengejarnya sambil berteriak-teriak : "Ya hajji! Halal! Halal! Maafkan saya! Saya cuma bergurau saja!". Aku tertawa mendengar cerita Syeikh ku yang lucu tapi dalam maknanya itu. Syeikh ku sendiri tertawa dan kemudian bertanya padaku : "Setelah berlalu empat puluh tahun masih begitukah orang Melayu ?!"… Soalan ini buat aku terkedu, aku hanya mampu menelan air liurku yang terasa pahit.



Di zaman dahulu kala nenek moyang kita orang Melayu ramai yang buta huruf tapi majoriti mereka celik mengaji Al-Quran, teguh adab sopan dan takzim pada syiar-syiar agama ALLAH. Nenek moyang kita orang Melayu jadi Muslimin kerana mereka merasai kelazatan Islam. Di zaman dahulu perjalanan pergi-balik ke Makkah dan Madinah untuk menunaikan haji dari Tanah Jawi (Semenanjung Tanah Melayu, Pattani, Champa, Kepulauan Jawa, Sumatera, Borneo, Sulawesi dan Sulu) akan mengambil masa berbulan-

bulan pelayaran laut. Dalam satu lawatan Syeikh ku ke Indonesia beberapa orang tua di sana menceritakan pada beliau kisah perjalanan mereka ke Makkah dengan kapal … "Demi ALLAH ya Tuan Syeikh, enam bulan di laut!", ujar orang-orang tua itu.

Dahulu nenek moyang kita jika sudah berputus kata mahu menunaikan haji akan mengucap selamat tinggal kepada kaum keluarga bagai orang mahu mengadap mati. Perginya ayah ke Tanah Suci diiring ratap tangis anak bini, bahkan ada kalangan mereka yang memberi pilihan kepada isteri yang ditinggal untuk diceraikan talak satu kerana tidak pastinya dia apakah akan kembali ke kampung halaman dengan selamat atau meninggal di tengah permusafiran. Si suami yang sudah bulat hati mahu menuju ALLAH ini tak mahu menyeksa isterinya lalu memberi pilihan itu, "Kalau kanda tak kembali dinda menikahlah dengan lelaki lain…". Maklum sajalah orang Melayu nenek moyang kita teguh memegang ajaran mazhab Syafie yang menghukumkan jika suami hilang tak ketahuan khabarnya maka si isteri wajib menunggu selama empat tahun sebelum membuat keputusan untuk berkahwin lain, namun si isteri dengan linangan air mata bersumpah demi ALLAH bahawa dirinya hanya untuk si suami hingga akhir hayatnya dan jika suaminya meninggal di perjalanan nanti mereka akan kembali bertemu di syurga.

Kata Syeikh ku di zaman dahulu perjalanan ke Tanah Suci (baik dari Tanah Melayu atau belahan dunia Islam yang lain) jauh, sulit dan makan masa yang lama lalu natijahnya ada takzim yang menyala-nyala dalam jiwa. Dahulu orang Melayu kalau ada ulama dari Tanah Suci singgah ke kampungnya maka berduyun-duyunlah orang sekampung dan kampung-kampung berdekatan mengadapnya semata-mata kerana nak melihat seorang penduduk kota Makkah

atau Madinah yang datang dari halaman Baginda Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Bahkan kalangan nenek moyang kita yang ahli mahabbah menganggap kedatangan orang alim dari Tanah Suci itu (khususnya jika dia orang Madinah) seolah-olah bagai Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم yang datang ke kampungnya.

Sekarang segalanya sudah berubah… orang Malaysia pergi umrah naik kapal terbang lapan jam sudah sampai macam telan pil tidur. Pakej umrah tiga hari di Madinah tujuh hari di Makkah; ketika azan berkumandang berdesak-desak dia dengan jemaah dari berbagai bangsa pergi ke Masjid Nabawi dan Masjidil Haram. Sebaik saja imam memberi salam bersesak-sesak pula dia keluar untuk mengadap makan-minum di hotel. Masanya beriktikaf dengan membeli belah di pasar dan shopping complex lebih banyak dari iktikaf di Masjid Nabawi dan Masjidil Haram. Apabila azan berkumandang dia berdesak-desak lagi dan… tahu-tahu pakej umrah pun selesai dan lapan jam dengan kapal terbang sudah sampai ke tanah air.

Begitulah takzim sudah hilang dari hati. Sekarang kalau pun yang datang itu sebesar-besar ulama Madinah Al-Munawwarah keturunan Ahlul Bait orang kita hanya mencebik (kalau tak di mulut di hati) : "Siapa orang Madinah?!"… dan jadilah kita manusia-manusia rugi.



Zawiyah As-Syaziliyyah (Bait Sydna Syeikh Abdun Nasir Al-Hasani) mengadakan majlis zikir tiap malam Jumaat dengan pengisian khatam Al-Quran dan khatam kitab

Dalailul Khayrat pada tiap subuh Ahad. Sudah terdisiplin pada kami *muridin* (murid-murid lelaki) dalam majlis-majlis zikir memakai serban dan baju melayu putih dengan sampin. *Muridat* (murid-murid wanita) pula memakai telekung putih.

Qasidah-qasidah seperti Burdah, Al-Mudhariyyah dan Al-Muhammadiyyah karya Al-Imam Al-Busairi As-Syazili yang termasyhur itu selain dibaca dengan Bahasa Arab juga kami baca dalam terjemahan Melayunya dengan lagu yang sama.

Syeikh ku lah yang mendorong agar semua qasidah tadi dan puluhan lagi qasidah Arab karya awliya solihin serta kitab maulid diterjemah, dicetak dan turut dibaca dalam Bahasa Melayu. Kata beliau : “Bangsa-bangsa Islam di dunia seperti Turki, Parsi, Kurdi, Bukhari, Balkan, Barbar, Hindi dan lain-lain semuanya bermadah memuji-muji Baginda Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم dengan bahasa kebangsaan sendiri dan meluahkan rasa mahabbah mereka ke hadrat Junjungan Mulia صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم dalam bahasa ibunda masing-masing. Orang Melayu mengapa tidak begitu ?!”.

Tentang baju melayu dan sampin pula aku kurang pasti sekarang siapakah yang mula memakainya di majlis-majlis kami, tapi Syeikh ku memang senang hati melihatnya. Aku tidak tahu jika itu semua merupakan refleksi dari kenangan terhadap kesopanan bangsa Melayu seperti yang beliau saksikan zaman-zaman dahulu di tanah kelahirannya Madinah Al-Munawwarah dan Makkah Al-Musyarrafah.

Sejak dari kecil orang Melayu memang tidak asing dalam kehidupan Syeikh ku sementelahan pula sebahagian dari guru-guru beliau di Tanah Haram memang ada yang berketurunan Melayu seperti Syeikh Muhammad Yasin Bin Isa Al-Fadani dari Padang, Sumatera dan Syeikh Zakaria

Bila dari Bilah, Sumatera. Kedua-dua mereka adalah murid-murid pula kepada nenda Syeikh ku seorang mufti dalam mazhab Hanafi di kota Makkah Al-Allamah As-Syeikh `Ismatullah Al-Husayni Al-Bukhari yang wafat di Taif tanggal 17 Rejab tahun 1366H *-moga ALLAH meredhoi mereka sekalian*, amin-.



Bab Keempatbelas

Dia Memperbaharui Hidupku

Tabib Nur

Aku bermula dengan memohon zikir Tareqat As-Syaziliyyah kepada wakil utama Sidna Syeikh Al-Kamil iaitu Syeikh ku Al-Hajj Dr. Mahmoud MrGlani Al-Husayni Al-Madani. Beliau telah berkidmat kurang lebih tiga puluh tahun lamanya kepada Sidna Syeikh Al-Kamil As-Syarif Abdun Nasir Abu Bakar As-Siddiq Al-Hasani *-moga ALLAH merahmati dan meredhoi mereka berdua-*. Permohonan itu aku majukan setelah melakukan tiga malam berturut-turut solat istikharah. *Talqin* tareqat ini ku terima dari beliau tanda masuk menjadi seorang murid. Sekarang Alhamdulillah sudah lima tahun, sukalah aku nak berkongsi dengan para pembaca sebahagian dari pengalamanku bersama amalan wirid dalam tareqat ini.

Al-Wirdul Maklum

Wirid asas dalam tareqat ini ialah Al-Wirdul Maklum. Ia menjadi disiplinku untuk dibaca sebagai zikirku dua kali sehari. Aku bina dan mulakan hidup baru, aku rombak

susunan jadual harian. Kemudian kedua-dua isteriku bersama anak-anakku pun turut serta. Alhamdulillah.

Keindahan Adab Dalam Tertib zikir Al-Wirdul Maklum

Pertamanya 100 kali zikir istighfar, keduanya zikir agung berselawat 100 kali, ketiganya zikir tahlil 99 kali dan penutupnya zikir isim "Ya Latif" 129 kali.

Zikir Istighfar

Syeikh terus membimbingku... Aku difahamkan bahawa zikir istighfar ini dipermulaan kerana ia zikir pembersihan hati. Pembersihan ini membawa maksud mengosongkan hati dan diri dari dosa terlebih dahulu. Dibaca 100 kali. Sidna Syeikh Al-Kamil ada berkata :"Permulaan jalan menuju Robbi juga membersihkan sumber pendapatan dan makanan".

Masya ALLAH... sedarlah aku bahawa Syeikh ku sendiri sudah lapan sembilan tahun berulang alik datang ke Malaysia tak sentuh daging ayam sembarangan. Aku bertanya kenapa ? Kerana sembelihan ayam katanya mesti teliti. Ayam jika tidak dikeluarkan lidahnya sewaktu penyebelihan nanti tidak betul sembelihannya. Sembelih ayam terutama ayam jantan, ayam jantan suka telan lidahnya ke dalam, jika kita tidak berhati-hati nanti sembelihan itu tidak sempurna; tidak putus urat marihnya, matinya ayam itu menjadi bangkai. Begitulah halal haram yang wajib dipelihara lebih-lebih lagi apabila memulakan perjalanan menempuh Jalan Robbi.

Sejak lima tahun ini kami sekeluarga jika teringin daging ayam gulai atau ayam goreng, kami tidak beli di luar atau makan di gerai dan restoran. Kami sudah selesa untuk proses sendiri bermula dari sembelihannya dan kemudian cara memproses yang lebih meyakinkan suci dan halalnya.

Syukur Alhamdulillah, terima kasih kepada Sidna Syeikh Al-Kamil dan Syeikh ku. Moga dengan gandingan prasyarat halal haram dan zikir istighfar tadi ALLAH permudahkan memulakan perjalanan menujuNya dan segala-galanya, makbul. Allahumma Robbana amin.

Aku bersyukur kerana dapat memulakan bacaan zikir tareqat ini. Di permulaannya memohon ampun kepada ALLAH sungguh-sungguh seperti yang terkandung didalam Al-Quran Surah An-Nisa' ayat 64 :

وَلَو أَنَّـهُم إِذ ظَّلَمُوا أَنفُسَهُم جَاؤُوكَ فَاستَغفَرُوا اللهَ
وَاستَغفَرَ لَـهُمُ الرَّسُولُ لَوَجَدُوا اللهَ تَوَّابًا رَّحِيـمًا.

"Dan jikalau mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada ALLAH dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati ALLAH Maha menerima Taubat lagi Maha Mengasihani".

Pengaduan melalui wasilah dan perantaraan ini menjadikan hatiku berasa terlalu terharu kerana Saiyidina Rasulullah tetap mengambil berat terhadap umatnya yang datang mengadu kepadanya. Sejak itu saya tidak segan-segan dan malu lagi untuk mendapatkan bantuan Junjungan Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيه وَسَلَّم. ALLAH tunjukkan RasulNya صَلَّى اللهُ عَلَيه وَسَلَّم di dalam ayat tadi berlapang dada, sangat pengasih dan sangat suka menolong umatnya seperti dalam urusan rayuan ini. Melalui Saiyidina Rasulullah untuk menambah cepatkan lagi mendapat pengampunan ALLAH. ALLAH gambarkan betapa ALLAH tidak pula menolak permintaan hamba-hambaNya yang telah menginaya

diri mereka sendiri jika mereka datang melalui saluran KekasihNya.

Sungguh betapa hebatnya Baginda Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم ...terlihat padaku bahawa Baginda pun turut berasa sedih dan turut bersama-sama dengan orang-orang yang datang memohon dan mengadu kepedihan dosa melaluinya kepada ALLAH.

Makin hari makin bertambah seronok rasa hendak terus berzikir beristighfar kerana dapat faham jalan-jalan yang tersedia ini.

Dahulunya jika bertaubat sambil melafazkan istighfar sungguh tidak pernah terfikir pun jalan melalui Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Peruntukkan istimewa seperti yang tersebut dalam ayat 64 surah An-Nisa' tadi adalah yang sebaik-baiknya kerana Baginda Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم turut serta. Pasti ALLAH akan terima dengan berkat dan tuah Jujungan Saiyidina wa Maulana Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.

Mengecapi nikmat zikir istighfar seperti ini memang tidak sama dari yang sebelum ini. Mengosongkan hati melalui istighfar dan bertaubat adalah proses beradab yang pertama menuju jalan kembali kepada ALLAH. Inilah yang aku faham bahawa melalui proses istighfar kita seolah-olah mengosongkan hati dari dosa. Di dalam proses ini hatiku bagai diketuk-ketuk atau dikikis sehingga terasa sakit kerana menyesal dan rasa bersalah sekali.

Dosa-dosa menzalimi diri sendiri dan juga dosa-dosa menzalimi orang lain setiap hari ku pohon diampuni.

Setiap kali ku memohon taubat maka setiap kali jugalah ku pohon Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم sudi membantuku agar segera ALLAH memaafkan segala kesilapan dan kesalahanku.

Selepas beristighfar 100 kali, merintih, menyesal dan mengadu, bertaubat sungguh-sungguh dari segala kesalahan dan kesilapan maka kekosongan hati itu tidak boleh dibiar tanpa melakukan pengisian selanjutnya iaitu BERSELAWAT. Selepas beristighfar 100 kali maka peranan pengisian menyusur sebagai "isi dan hias" pula. Padaku ini secara tertibnya adalah kemestian setelah cuci kosongkan hati dilakukan.

<u>Pengisian Selawat</u>

Keduanya berselawat keatas Junjungan Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم seratus kali. Surah Al-Ahzab ayat 56 menyebut :

إِنَّ اللهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِي يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا
صَلُّوا عَلَيهِ وَسَلِّمُوا تَسلِيماً.

"Sesungguhnya ALLAH dan para malaikatNya berselawat ke atas Nabi, wahai mereka yang beriman hendaklah kamu berselawat ke atasnya dan ucapkanlah salam akan sebagai salam yang sempurna".

Perintah selawat ini kepada orang-orang yang beriman dengan selawat yang sebenar-benar selawat dan salam. Bukan sekadar hendak cukupkan bilangan sahaja atau sekejap buat dan kadang-kadang tidak.

Selawat itu dengan faham dan berhemah secara istiqamah. Para murid Syaziliyyah berselawat paling tidak 3500 kali sehari sebagai selawat tambahan selepas habiskan selawat yang asas.

Bagiku apabila mengamalkan selawat ertinya aku

memproses hati dengan "isi dan hias". Yakni isi dan hias selepas zikir istighfar dan bertaubat didahulukan. Proses ini sebagai satu amalan khas supaya amalan selawat dan roh selawat meluaskan hatiku menjadi lebih besar dan kuat. Ertinya zikir selawat itu sampai benar-benar terisi dan terhias menjadi rohani.

Ianya semakin bertambah luas dan kuat. Inilah rahsia kita menjadikan selawat dan salam ke atas Jujungan Besar kita itu dengan sebanyak-banyaknya sehingga berdiri menjadi roh kerohanian kita pula.

Suka aku nak menceritakan satu pengalaman dalam *suhbah* dengan Syeikh ku, antara kata-katanya yang mengujakan semangat zikirku ialah ketika beliau mengungkap ahwal para solihin yang menyebut : "Hatiku di dalamnya sudah penuh terisi dengan Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم sehingga tidak ada lagi ruang untuk hal-hal dunia mencelah curi masuk ke dalam". Hebat tuu....memang terjawab tujuan berselawat dan cinta kepada Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم pun tercapai.

Zikir selawat mampu mengubah untuk diriku dan kita semua menjadi seperti satu kelahiran yang baru. Baru dalam erti kata buang yang lama (lupakan yang lama; yang buruk dan yang baik) ganti kepada yang lebih baik yang menjadi baru melalui pengisian zikir agung; selawat ke atas Saiyidina wa Maulana Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.

Bagiku selawat Adalah zikir agung yang special dan Luar biasa. Kenapa zikir selawat dipanggil zikir yang agung ? Jawapannya kerana ALLAH lah yang sebenarnya berselawat. ALLAH ROBBANA berselawat ke atas ciptaanNya sendiri iaitu Nabi kita Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Sebab itulah zikir selawat ini dipanggil zikir agung.

Kemuliaan Selawat

Ku himpun di bawah ini kata-kata Syeikh ku mengenai selawat :

Dalam selawat tiada riya'.
Dalam selawat ada Sanad.
Dalam selawat ada Mursyid dan Murobbi.
Dalam selawat ada Cinta.
Dalam selawat ada Takzim.
Dalam selawat ada Adab.
Dalam selawat ada Akhlak.
Dalam selawat ada zikir Asma' ALLAH.
Dalam selawat ada Ketenangan.
Dalam selawat ada Doa.
Dalam selawat ada `Ubudiyah.
Dalam selawat ada Kejujuran.
Dalam selawat ada Munajat.
Dalam selawat ada Taubat.
Dalam selawat ada Fadhilat Berganda.
Dalam selawat ada Taat.
Dalam selawat ada Sabar.
Dalam selawat ada Nikmat.
Dalam selawat ada Syukur.
Dalam selawat ada Syifa'.
Dalam selawat ada Ilmu.
Dalam selawat ada Hidayah.
Dalam selawat ada Taufiq.
Dalam selawat ada qabul.
Dalam selawat ada Darjat dan Maqam.
Dalam selawat ada Syariat dan Islam.
Dalam selawat ada Tauhid, Iman dan Tareqat.
Dalam selawat ada Tasawuf, Ehsan dan Makrifat (Hakikat).

Dalam selawat ada Muraqabah.
Dalam selawat ada Zauq.
Dalam selawat ada Nafahat.
Dalam selawat ada Istiqamah.
Dalam selawat ada Nur.
Dalam selawat ada Jaah (Tuah).
Dalam selawat ada Berkat.
Dalam selawat ada Tawassul.
Dalam selawat ada Rahmat dan Syafaat.

<u>Mulakan Cinta Dengan Perbanyakan Selawat</u>

Dimulai dengan ayat 56 Surah Al-Ahzab :

"...wahai mereka yang beriman hendaklah kamu berselawat ke atasnya dan ucapkanlah salam akan sebagai salam yang sempurna".

Ini adalah ayat perintah berselawat, kemudian diikuti dengan ayat 31 Surah Aali Imran mengenai cinta :

قُل إِن كُنتُم تُحِبُّونَ اللهَ فَاتَّبِعُونِي يُحبِبكُمُ اللهَ
وَيَغفِر لَكُم ذُنُوبَكُم وَاللهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ.

"Katakanlah(Wahai Muhammad): Jika benar kamu mencintai ALLAH, ikutlah aku nescaya ALLAH mencintai kamu serta mengampuni dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah) bahawa sesungguhnya ALLAH Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani".

Dalam ayat ini Robbana meletakkan syarat untuk dapat cintaNya mesti melalui Junjungan Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Kemudian disokong dalam keterangan hadis riwayat Imam Bukhari :

لَا يُؤمِنُ أَحَدُكُم حَتَّى أَكُونَ أَحَبُّ إِلَيهِ
مِن وَالِدَيهِ وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ أَجـمَعِينَ.

"Tidaklah sempurna iman seseorang dikalangan kamu jika aku tidak dicintainya lebih daripada kedua ibu bapanya, anak-anaknya dan manusia keseluruhannya".

Iman diukur mengikut kesempurnaan cinta. Cinta kepada Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم melebihi segala-galanya. Inilah iman. Orang-orang yang beriman adalah seperti yang Robbi sebut dalam Surah Al-Ahzab tadi :

"...wahai mereka yang beriman hendaklah kamu berselawat ke atasnya dan ucapkanlah salam akan sebagai salam yang sempurna".

Dalam ayat ini ALLAH tidak menyeru kepada mereka yang Muslimin tetapi kepada orang-orang yang beriman. Ertinya orang-orang yang beriman sahajalah yang mampu atau bersedia untuk berselawat. Orang-orang beriman sahajalah yang cintanya kepada Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم mengatasi segala-galanya. Jadi cintakan ALLAH ROBBANA mesti melalui Junjungan Mulia Saiyidina wa Maulana Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.

Kemudian mendahulukan cinta Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم lebih daripada segala-galanya adalah tanda kesempurnaan iman. Dan orang-orang yang berimanlah yang mendapat perintah dari ALLAH ROBBANA supaya berselawat kepada Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم dengan ucapan salam yang sesempurna salam.

Selepas pengisian hati dengan selawat... selawat... dan selawat yang berterusan dengan penghayatannya yang serius seperti yang ku faham dari Syeikh ku ia ibarat proses

meluaskan ufuk hati supaya hati jadi sedia dan kuat. Apabila hati banyak berselawat hati itu menjadi luas dan besar, barulah adab dan tertib persediaan hati ini mendapat izin menerima segala ucapan lafaz-lafaz zikir "ALLAH" Jalla Jalaluhu yang akan masuk ke dalam hati dengan tenang. ALLAH Taala berfirman :

أَلَا بِذِكْرِ اللهِ تَطمَئِنُّ القُلُوبُ

"Sanya dengan zikir mengingat ALLAH hati menjadi tenang"

Saiyidina wa Maulana Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم meriwayatkan firman ALLAH Subhanahu wa Taala dalam hadis qudsi :

لَا يَسِعُنِي أَرضِي وَلَا سَمَائِي

وَلَكِن يَسِعُنِي قَلبُ عَبدِي الـمُؤمِنِ.

"BumiKu dan langitKu tak dapat menampung Aku, akan tetapi hati abdiKu yang mukmin dapat menampungKu".

Hati apabila bersih, bersinar, luas dan kuat kemudian diisi pula dengan zikir La ilaha illallah yang menafikan segala penghambaan selain kepadaNya dan begitulah seterusnya dengan zikir isim "Ya Lathif" 129 kali. Zikir dan terus berzikir mengingat ALLAH dengan zikir yang sebanyak-banyaknya serta mendapat tarbiyyah dan bimbingan dari syeikh yang mursyid.

Perbandingan berzikir dan tidak berzikir seperti perbandingan orang hidup dengan yang mati. Saiyidina Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم bersabd di dalam hadis soheh riwayat Imam Bukhari :

مَثَلُ الَّذِي يَذْكُرُ اللهَ وَالَّذِي لَا يَذْكُرُ اللهَ
كَمَثَلِ الْـحَيِّ وَالْـمَيِّتِ.

"Perbandingan orang yang berzikir ingat kepada ALLAH dan yang tidak berzikir mengingat ALLAH seperti yang hidup dengan yang mati"

Subhanallah, lihatlah hati menjadi hidup dengan memperbanyakkan zikir...zikir...dan zikir. Ertinya orang-orang yang tidak berzikir atau malas berzikir hatinya mati... mati...dan mati. Ramai yang menyangka orang-orang yang semata-mata berilmu adalah orang-orang yang baik-baik belaka, tetapi itu semuanya meleset sama sekali..!! Kenapa? Jawapannya kerana orang itu malas atau tidak berzikir sekadar kuasai ilmu sahaja (di akal), itu tidak mencukupi. Hatinya tetap jadi mati, bahayanya hati yang mati itu akan turut mematikan seluruh anggotanya yang lain pula sehingga tercemar nama baiknya kerana masih berani melanggar tegahan dan perintah ALLAH, apatah lagi jika dia berada dalam golongan orang-orang yang jahil.

Hati yang tidak berzikir ingatkan ALLAH menjadi keras dan sukar dinasihati, lazimnya mewarisi sifat dan tabiat yang engkar. Na`udzubillah...!!! Manakala orang-orang yang banyak zikir... zikir... dan terus berzikir itulah yang hatinya hidup dan tenang.

Hatinya bercahaya-cahaya sehingga wajahnya nampak seri dari nur zikir. Zikir-zikirnya yang diisi makin penuh dan padat di dalam ruang hatinya itu mengalir secara maknawi menyelubingi luar dan dalam hatinya serta menyediakan dirinya untuk melakukan apa saja amal baik kerana lonjakan hatinya yang sudah hidup dan bertenaga. Hatinya makin bertambah rindu untuk duduk sambung berzikir. Orang

yang hidup hatinya dengan zikir sentiasa sedia bertindak untuk membangun. Sekaligus dia dikurniakan kekuatan taufik pula oleh Robbana. Kemahuan dan keinginan selama ini kepada segala selera maksiat dan segala yang keji dan mungkar mendadak turun. Subhanallah.

Sidna Syeikh Al-Kamil –*moga ALLAH Meredhoinya-* sentiasa membimbing secara langsung mahu pun melalui wakilnya Syeikh kami. Baginya tidak menjadi masalah soal masa dan jarak... Semua yang berbentuk tarbiyyah, nasihat, rujukkan, pengajian ilmu, perkembangan malah apa-apa yang berkaitan dengan rohani pun boleh selesai. Subhanallah...Alhamdulillah. Segala yang saya tulis di ruang ini semuanya adalah apa yang ku faham dari bimbingan beliau, cuma ku persembahkan mengikut gaya bahasa, tulisan dan olahan sendiri. Maaf andainya ada ayat dan perkataan yang tidak menyenangkan, maafkan aku kerana aku masih belajar...sudilah menegur diriku. Kita boleh berkongsi serta bertukar-tukar pengalaman dan kepakaran. Sidna Syeikh Al-Kamil tidak menghampakan… beliau sentiasa membimbing walaupun jaraknya jauh, dihantarnya murid beliau untuk membimbing kami… sungguh hikmah dan bijaksana.

ALLAH Subhanahu wa Taala jualah yang Maha Mengetahui hati hamba-hambaNya. Jika ada dariku tersalah, tertambah atau terkurang, ku pohon ampun dan maaf dari hujung rambut hingga ke hujung kaki. Allahumma Engkau redhoilah Sidna Syeikh Al-Kamil ku dan wakilnya Syeikh ku. Allahumma angkatlah darjat hadrat mereka berdua tinggi dan mulia disisiMu. ALLAHUMMA ROBBANA AMIN...

Bab Kelimabelas

Jangan Kau Beritahu Padaku...

Rahmat Muhamad

"Kau kasi tahu sama syeikh kau tu jangan dia nak menipu lagi. Menyamar orang Madinah konon! Kami tahu sebenarnya dia tu orang Turki!"

Perbualan telefon itu dimulai tanpa salam dari pemanggil dan dengan nada provokasi pula… ia benar-benar menyentak aku. Si pemanggil adalah ahli satu kumpulan yang ketuanya mendakwa diri sebagai salah seorang dari tiga *figure* penting yang menjadi faktor kemunculan Imam Mahdi dan tanpa dia Imam Mahdi tidak akan zahir untuk menyelamatkan bumi.

Baru semalam aku menemani Syeikh ku bertemu dengan si pemanggil dan seorang pemimpin kanan kumpulannya, mereka datang membawa naskah fotokopi buku *Hakekat Insan* mahu mensyarahkan kepada Syeikh ku hal-hal mistik mereka.

Syeikh ku minta untuk bersua muka dengan ketua mereka yang misterius namun mereka beri alasan sang pemimpin tertinggi sibuk serta banyak mengasing diri untuk bertapa. Apabila didesak oleh Syeikh mereka tak dapat mengelak lalu memberi janji akan mengaturkannya. Syeikh ku minta jika boleh secepat mungkin kerana beliau berhajat untuk memberi "sumbangan" kepada mereka. Mereka

berdua gembira dan semalam baik-baik saja minum teh tarik dengan goreng pisang bersama kami, hari ini tiba-tiba nak ajak gaduh pula. Apa hal ni?!

Cakapnya tadi segera ku terjemahkan kepada Syeikh yang duduk di sebelahku. Syeikh ku mengujar: "Beritahu padanya sila datang bertemu untuk melihat pasport Arab Saudi saya, tertulis di situ nama saya, tempat kelahiran saya di Madinah Al-Munawwarah dan alamat saya di sana." Aku dah mula panas hati dan jawapan Syeikh ku segera ku terjemahkan kepada pemanggil. Dengan congkaknya dia berkata: "Ah, sudahlah! Kau bagi tau syeikh kau tu jangan banyak cakap lagi. Kami akan cari dia, pukul dia, ikat dia dalam guni, sumbat dia dalam bonet kereta dan buang dia ke laut!!!."

Dengan darah yang menggelegak ku terjemahkan ugutan bunuh itu kepada Syeikh ku, beliau minta aku bertenang lalu menyuruh aku membalas: "Tak perlu kamu semua susah-susah datang cari saya, sila beritahu di alamat mana kamu mahu bertemu, saya sedia datang sekarang juga!." Tak membuang masa aku menyemburkan terjemahan Melayu kata-kata Syeikh ku tadi ke telefon bimbit. Si pemanggil tak berkutik lantas menghentikan panggilannya serta merta, mukaku merah padam dan badanku menggigil kerana terlalu marah tapi Syeikh ku tenang saja menghirup teh o kosong panasnya.

Apabila aku sudah waras dari marah Syeikh ku mengujar: "Anakku Rahmat! Selepas ini sekiranya kau tahu di luar pintu zawiyah ada orang datang mahu membunuhku dan aku sedang berada di kamarku, jangan kau ketuk pintu memberitahu padaku… biarkan dia melakukan apa yang sudah ALLAH maktubkan untuk dia melakukannya dan biarkan berlaku ke atas diriku apa yang sudah ALLAH

maktubkan untuk berlaku.”



Doktor wanita yang sudah mencecah umur 40 itu berasal dari keluarga ternama. Dia mengikut satu jemaah (lain dari kumpulan di atas) di pinggir ibu kota. Ayahnya seorang tokoh, pesara kerajaan yang patriotik dan telah berjasa kepada negara. Para petinggi jemaah mengarahkan si doktor untuk berhenti kerja demi mengabdi diri sepenuh masa menjadi khadam kepada isteri pemimpin mereka. Sebagai ganjaran dari perjuangan tanpa gajinya itu dia dijanjikan jaminan taqwa dan syurga. Si doktor *sami'na wa atho'na* dan tahu-tahu telah menghantar surat letak jawatannya kepada Kementerian Kesihatan.

Ayahnya kecewa bukan kepalang. Anak perempuan yang dibesarkan dan dihantar sekolah tinggi-tinggi itu ternyata lebih mendengar kata jemaahnya dari kata ayah kandung sendiri. Dengan perasaan yang sebal si ayah pergi menunaikan umrah dan di Madinah aku pun tak tahu orang tua itu entah bagaimana bertemu dengan Syeikh ku lalu mengadukan hal anaknya. Syeikh ku tak sanggup nak menghampakan harapan pak tua maka berjanji sekiranya bertemu dengan si doktor beliau akan cuba menasihatinya.

Apabila Syeikh ku berada di Malaysia kesempatan telah menemukan beliau dengan orang yang dimaksudkan. Peristiwanya berlaku pada satu malam, aku sebagai penterjemah dengan Syeikh ku duduk di kerusi belakang manakala si doktor yang memandu kereta ditemani seorang saudaranya di kerusi hadapan.

Kami semua dalam perjalanan ke Kuala Lumpur untuk menghadiri satu jemputan makan malam yang Syeikh ku bakal menjadi tamu utamanya. Entah apa puncanya perbualan yang bermula biasa-biasa saja tiba-tiba berubah topik menyentuh soal keyakinan yang diperjuangkan oleh puan doktor. Dia tak dapat menerima kritikan tegas Syeikh ku terhadap perlakuan jemaahnya dan menganggap ia sebagai penghinaan. Wanita berhati besi itu naik radang dan hampir menangis bertempik, dia dan semua yang ada di dalam keretanya pasti menjadi mangsa-mangsa kemalangan jalan raya jika radangnya bertukar menjadi histeria.

Emosi tak terkawal nyata tidak memberi banyak pilihan lalu Syeikh ku dan penterjemahnya pun di"buang" di hadapan menara KLCC. Alhamdulillah, itu lebih baik dari risiko kemalangan. Seorang kenalan yang aku hubungi bermurah hati datang dan menghantar Syeikh ku pulang ke kediaman beliau.

Lama sesudah peristiwa itu puan doktor datang ditemani anak lelaki sulungnya menemui Syeikh ku di Singapura untuk meminta nasihat; jemaah menghukumnya dengan satu tuduhan yang keji dan dia dikucilkan. Peristiwa ini berlaku lapan tahun dahulu. Aku tak tahu apa nasib puan doktor sekarang. Moga-moga ALLAH menyelamatkannya dan mengurniainya taufik ke jalan yang diredhoiNya. Amin.



Bersama seorang mantan komando angkatan tentera darat dengan pangkat terakhirnya sebagai mejar Syeikh ku dibawa ke pantai timur tanah air masuk ke kawasan hulu hingga sampai di pinggir hutan. Di situ terdapat sebuah

kompleks pengajian pondok yang damai, tersusun rapi, bersih dan mandiri.

Melalui seorang ustaz muda yang baru beberapa tahun membuka madrasah Syeikh ku mendapat maklumat tentang pondok di pinggir hutan ini dan Tuan Gurunya yang sekarang sudah melepasi usia tujuh dekad.

Kami sampai waktu asar. Tuan Guru mempermuliakan kedatangan Syeikh ku dengan menyembelih seekor kambing khas untuknya. Beliau memperkenalkan murid-murid dan anak-anak lelakinya kepada Syeikh ku dengan gembira. Syeikh ku bertanya kepada Tuan Guru tentang sejarahnya membangun pondok dan apa yang membuat beliau membentuk komuniti jauh terpencil di tempat ini. Dengan mesra dan merendah diri pula Tuan Guru bercerita kepada Syeikh ku.

Pada keperibadian Tuan Guru tua dan wajahnya yang jernih ini aku melihat jatidiri nenek moyangku bangsa Melayu yang tahu tata krama dan mentakzim ulama Ahlul Bait Sidnan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم dari kota Madinah Al-Munawwarah.

Kata Tuan Guru ketika zaman mudanya dia telah diberitahu oleh seorang soleh di negeri ini bahawa kedatangan Imam Mahdi sudah hampir, kerana itu dan banyak lagi sebab yang lain dia dan para siswanya membangun pondok di pinggir hutan ini sejak lebih empat puluh tahun yang lampau bagi menunggu kedatangan Imam Mahdi.

Perbualan Syeikh ku dengan Tuan Guru rancak menyelusuri berbagai topik dan ketika malam kian larut kami dibawa berpindah ke satu bangunan lain di kompleks pondoknya. Apabila generator dihidupkan lampu-lampu kalimantang pun menyala di bangunan kayu yang agam itu. Kepada Syeikh ku Tuan Guru menyuakan sebuah buku

terjemahan Bahasa Melayu karya seorang wartawan Arab yang bercerita dengan penuh semangat tentang teorinya bahawa Imam Mahdi pasti akan muncul di zaman kita ini. Sambil tersenyum Tuan Guru mengujar: "Syeikh, saya tahu isi buku ini kebanyakannya mengarut…" tiba-tiba saja wajah Tuan guru jadi mendung bercampur serius dan dia menyambung bicara: "…tapi Syeikh selaku orang Madinah dan saya sudah menunggu 40 tahun… apa pendapat Syeikh tentang kemunculan Imam Mahdi? Sudah dekatkah?"

Aku merenung wajah Tuan Guru sayu. Terasa benar soalannya itu bukan berlakon-lakon. Dengan suara lirih penuh hormat Syeikh ku menjawab: "Tuan Guru, kami warga Madinah Al-Munawwarah dan seperti yang dididik oleh Sidna Syeikh kami beriman, yakin dan iqtikad terhadap Imam Mahdi. Tapi kami tidak menggantungkan harapan kepada beliau dan tidak menyibukkan diri menunggu-nunggu kedatangan beliau. Bila-bila masa beliau mahu muncul dipersilakan, jika beliau belum mahu muncul juga dipersilakan."

Larut malam itu setelah Syeikh ku minta diri Tuan Guru dengan linangan air mata memeluknya lama. Apabila mendengar jawapan dari Syeikh ku tadi Tuan Guru tidak mengomentari apa-apa, namun di wajahnya terukir satu senyuman tanda puas.



Aku pun tak pernah bertanya dari mana Syeikh ku jadi amat memahami sosiologi dan jatidiri bangsa Melayu Islam. Namun tentunya kedatangan beliau yang acap kali

ke tanah air kita sejak lebih lima belas tahun, pergaulannya yang luas dengan berbagai lapisan masyarakat di Malaysia, kembara beliau yang berkali-kali ke Indonesia yang meliputi Tanah Jawa, Sumatera, Kepulauan Riau, Sulawesi dan Kalimantan telah memberi pengertian yang jelas kepadanya tentang berbagai dimensi dari hidup orang Melayu.

Kepada Syeikh aku belajar mengenal bangsaku lalu mendapati bahawa semangat cinta Islam adalah satu sisi yang kental dalam kehidupan orang Melayu sejak zaman berzaman. Apa saja yang berlabel Islam akan dihormati oleh rata-rata orang Melayu secara semulajadi dan ini satu kelebihan. Malangnya wujud manusia berhati syaitan yang mengatasnamakan Islam dan memanipulasi semangat suci ini lalu menimbulkan kecelaruan, kekeliruan dan salah faham terhadap agama. Masyarakat jadi bingung; ada yang ikut saja secara rambang, ada yang percaya tanpa periksa dan akhirnya terpedaya.

Walhal ayat suci jelas mengingatkan: "*Jika kamu mencintai ALLAH maka ikutilah aku (Saiyidina Rasulullah* صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم*) nescaya ALLAH akan mencintaimu.*" Memang itulah realitinya bahawa "*Semua jalan, lorong dan laluannya telah tertutup kecuali bagi yang menjejaki perjalanan Baginda Saiyidina Rasulullah* صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم*".*

Umat Melayu berhak berhak mendapat pencerahan. Kepada mereka dan semua yang mencari hidayah para arifin menganjur pedoman: "*Siapa yang menunjukimu jalan DUNIA sesungguhnya dia telah menipumu, siapa menunjukimu jalan AKHIRAT sesungguhnya dia telah melelahkanmu dan siapa menunjukimu jalan menuju ALLAH maka dia telah menyenangkanmu.*"

Bab Keenambelas

Ceritakanlah jua Pada Kami

Rahmat Muhamad

Terasa serba salah bila menduga kemungkinan bahawa akan ada orang melihat aku telah berlebih-lebihan menyanjung Sidna Syeikh Al-Kamil dan muridnya Syeikh ku. Boleh jadi akan ada yang menyindir : "Itulah kalau orang masuk tareqat mesti jadi taksub kepada gurunya saja." Terhadap kemungkinan ini aku tuntut kepada yang berkata begitu untuk kembali waras dan melihat realiti bahawa berapa ramai orang taksub kepada penyanyi, bintang filem, ahli sukan, tokoh politik, binatang peliharaan dan macam-macam lagi tapi hanya kepada tareqat Tasawuf juga dilempar cacian itu. Adil… sungguh adil.

Memanglah aku dan orang-orang tuaku Tuan Haji Ahmad Salim dan Tabib Nur asyik menceritakan tentang Sidna Syeikh Al-Kamil dan muridnya Syeikh kami. Nak buat macam mana lagi kerana beliau-beliau inilah yang kami tahu dan kenal untuk kami ceritakan tentang mereka. Dari *masyrab* As-Syaziliyyah lah kami meneguk minuman Tasawuf dan di bahtera As-Syaziliyyah lah kami mendapat tarbiyyah lalu tentangnyalah dapat kami bercerita seperti yang telah kami lihat, kami dengar, kami rasai dan kami alami sendiri. Kami berlindung dengan ALLAH dari mereka-reka cerita atau mengada-adakan yang tiada. Apa yang kami tulis

dalam buku ini hanya sebahagian cerita, banyak lagi yang tak tertulis dan belum didokumentasi. Aku sendiri tak ingin menceritakan semua yang ku ketahui kerana tak mahu orang dapat dosa kering menuduh bohong kepada kebenaran yang ku lihat dengan mata kepalaku sendiri. Biarlah ALLAH yang menjadi saksi.

Dan tentunya sidang pembaca budiman (termasuklah kami semua) akan tambah gembira jika murid tareqat-tareqat Tasawuf Islam yang muktabar dalam aliran Ahlis Sunnah Wal Jamaah turut sudi mengkongsikan mutiara-mutiara didikan dan ketulusan yang mereka terima dari para masyaikh mereka guru-guru sufi sejati agar umat mendapat pencerahan dan faedahnya merata.

Kepada yang melihat kami berlebih-lebihan menyanjung juga ku mohon maaf kalau matanya melihat begitu. Namun silakanlah dia beristikharah minta kepada ALLAH agar menunjukkannya syeikh mursyid yang kamil (bukan syeikh jadi-jadian atau yang sewaktu dengannya), Tasawuf Islam yang soheh, terang, jelas dan murni, guru sufi hakiki dan murid-muridnya yang sejati. Mintalah sendiri kepada ALLAH agar memperlihatkan kepadanya semua itu dan sesudah ALLAH memperlihatkannya ceritakanlah jua pada kami.